



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 8

RABU 20 FEBRUARI, 1985.

رابعو 29 جمادي الاول 1405

PERCUMA

DYTM PADUKA SERI PENGIRAN PERDANA WAZIR BERANGKAT KE R. GAMBIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dengan diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah telah berangkat ke Republik Gambia, pada hari

Khamis lepas.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia adalah atas undangan Kerajaan Republik Gambia bagi menghadiri Hari Kebangsaannya. Termasuk dalam rombongan ialah Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Ini adalah lawatan yang

julung-julung kalinya diadakan oleh Duli Yang Teramat Mulia ke Afrika Barat. Lawatan ini dijangka akan dapat menjalin hubungan yang lebih rapat antara Brunei Darussalam dengan Republik Gambia. Republik Gambia merupakan anggota Komanwel, Pertubuhan Persidangan Islam dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



SALAH sebuah dari beberapa buah pintu gerbang yang dibina di sekitar ibu negara sempena sambutan Hari Kebangsaan yang pertama Negara Brunei Darussalam — gambar oleh Rabae Sabli.

BRUNEI DARUSSALAM — JORDAN HASHIMITE BENTUK HUBUNGAN DIPLOMATIK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ekoran dari pernyataan bersama yang dikeluarkan semasa keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke Negara Jordan Hashemite dari 19 hingga 21 Disember, 1984, telah diambil keputusan untuk mewujudkan hubungan diplomatik sepenuhnya antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Jordan Hashemite.

Dengan itu adalah dengan ini dimaklumkan bahawa hubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara itu akan ditubuhkan mulai hari Isnin 18 Februari 1985 di tahap Duta Besar, dengan harapan kedua-dua pihak akan dapat memperluaskan skop kerjasama mereka dalam semua aspek demi faedah bersama. Dengan tujuan ini, maka perundingan kedua buah negara itu akan diteruskan secara tetap di tahap Menteri untuk mengenal pasti serta mewujudkan peluang-peluang kerjasama di masa depan.

BERBAGAI ACARA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

BEBERAPA acara sambutan yang berupa dengan upacara kenegaraan akan diadakan di seluruh negara yang akan berlangsung di Stadium

MANISNYA IMAN

"ORANG-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan keimanannya dengan kezaliman, mereka itu memperoleh keamanan, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat pimpinan yang benar." — Makna ayat 82, Surah Al-An'am.

Negara Hassanal Bolkiah pada 23 hariibulan ini.

Tema perayaan sambutan hari kebangsaan ini ialah 'Perpaduan Menghayati Konsep Melayu Islam Beraja' bertujuan bagi menamakan falsafah kenegaraan bagi menuju ke arah pembangunan masyarakat.

Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah pun dimandatkan sebagai satu induk bagi menyelenggarakan sambutan itu.

Aturcara telah pun disusun bagi keempat-empat daerah. Sesuai dengan sebuah negara

Islam, sembahyang Maghrib berjemaah dengan bacaan surah Yasin akan diadakan di sekolah-sekolah dan masjid-masjid di seluruh negara. Satu cadangan untuk mengadakan pameran Al-Quran, keris dan kaligrafi akan diadakan di Bubungan 12 di samping satu pameran khas di Muzium Brunei. Persatuan IQRA akan mengadakan peraduan menghafaz Al-Quran dan persatuan Tionghua akan menganjurkan Minggu Bahasa.

Acara-acara yang lain adalah sambutan yang

berbentuk taklimat yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan bagi penuntut-penuntut sekolah. Ini akan diadakan di seluruh negara bagi menuju ke arah matlamat tema sambutan hari kebangsaan itu.

Semua pegawai-pegawai di keempat-empat daerah diseru supaya mengumpulkan penduduk di daerah masing-masing bagi mengadakan satu kontinjen (pasukan) bagi melambangkan satu lapisan masyarakat di daerah itu.

Lihat muka 16

MENGHAYATI KONSEP NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA

Tema Sambutan Hari Kebangsaan



20 FEBRUARI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

SELAMAT MENYAMBU ULANGTAHUN PERTAMA HARI KEBANGSAAN!

HARI Sabtu 23 Februari ini kita akan menyambut Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan. Sambutannya tidaklah dalam bentuk perayaan-perayaan yang lazimnya dimeriahkan oleh acara-acara hiburan. Kita sengahaja memilih corak yang lebih afdal pada menzhahirkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dalam tempoh

setahun merdeka kita dan negara kita terus-menerus menikmati rahmat aman dan sejahtera.

Kita memilih 'perpaduan' menjadi tema sambutan tahun ini iaitu Perpaduan Menghayati Konsep Negara Melayu Islam Beraja. Ertinya kita mengambil sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini dengan tujuan meningkatkan lagi perpaduan yang sedia ada di kalangan rakyat dan penduduk bagi mendukung negara kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja. Sesungguhnya kita telah membuktikan faedah dan kebajikan perpaduan itu. Pencapaian semula kemerdekaan setahun yang lalu dan kesejahteraan hidup dalam suasana yang mantap dari semua segi penghidupan selama ini adalah berkat perpaduan kita. Kerana itu manusabalah semangat bersatupadu yang sentiasa ada di kalangan kita terus-menerus dipelihara dan seterusnya ditingkatkan. Dengan cara itu kita percaya akan dapat menepuh serta mengatasi berbagai cabaran.

Dalam menyambut Hari Kebangsaan ini kita hendaklah tidak akan melupakan azam dan harapan kita bersama sebagaimana yang terkandung dalam Pemasyhuran Kemerdekaan. Ada tiga perkara yang menjadi azam dan harapan kita.

Pertama: Mengekalkan negara kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik dengan

bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan.

Kedua: Menerusi negara yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredaan Allah jua kita akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat; dan

Ketiga: Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campurtangan asing.

Tidak syak lagi ketiga-tiga itu merupakan matlamat atau objektif kita dalam bernegara dan berkerajaan. Matlamat yang sedemikian itu pada dasarnya telah pun menjadi pendorong dalam kita menepuh berbagai-bagai perkembangan sebelum kemerdekaan dahulu, dan dengan menyesuaikan dengan kedudukan kemerdekaan itu maka selama setahun dalam era merdeka kita telah juga membuktikan komitmen kita kepada ketiga-tiga perkara tersebut.

Maka perpaduan menghayati konsep negara Melayu Islam Beraja adalah perpaduan kita bagi terus-menerus berusaha mencapai matlamat yang terkandung dalam Pemasyhuran Kemerdekaan itu. Ia selentunya melibatkan kita

semua iaitu rakyat yang bernegerakan negara ini dan juga penduduk yang berneang hidup di dalamnya. Maka dalam makna yang sedemikian perpaduan kita adalah jelas matlamatnya dan jelas juga landasannya. Kerana itu tidak ada sebab untuk mana-mana pihak meragukan sebarang niat bagi menyempurnakan penghayatan yang sempurna konsep negara kita itu sebagai matlamat yang akan menjamin kesejahteraan dan kebajikan segenap lapisan rakyat dan penduduk.

Sesungguhnya kita mencapai semula kemerdekaan setahun yang lalu dalam keadaan yang sangat harmoni. Keadaan yang sama telah terus-menerus dinikmati dan insya-Allah akan selanjutnya dinikmati. Sesuai dengan tiga perkara yang menjadi azam dan harapan kita sebagai bangsa yang merdeka sepertimana yang terkandung dalam Pemasyhuran Kemerdekaan itu maka komitmen kita seterusnya ialah untuk melanjutkan keharmonian yang dinikmati sambil terus-menerus teguh berpegang kepada pegangan yang turun-temurun iaitulah negara kita adalah sebuah negara Melayu yang mempunyai Kerajaan serta pemerintahan Beraja dengan mendapat pengaruh serta unsur yang kuat daripada ajaran Islam. Menerusi pegangan ini, insya-Allah kita akan membangunkan negara kita.

Selamat Menyambut Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan!

Peserta kursus pemborong terima sijil

GADONG. — Seramai 30 peserta kursus pemborong-pemborong bumiputera yang berdaftar dari Daerah Brunei-Muara dan Tutong telah menamatkan kursus mereka pada 13 Februari lepas bertempat di Kampong Rimba, Gadong.

Majlis penutup kursus itu telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap II Kementerian Pembangunan merangkap Pengarah Kerja Raya Pengiran Dr Ismail bin Pg Haji Damit dengan satu upacara penyampaian sijil-sijil kepada pemborong-pemborong bumiputera yang mengikuti kursus tersebut.

Kursus yang berlangsung selama dua setengah hari itu adalah merupakan kursus latihan bagi pemborong-pemborong bumiputera yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya di bawah kelas SC dan C.

Kursus anjuran Jabatan Kerja Raya itu bertujuan antara lain untuk mengetengahkan dan melatih pemborong-pemborong dan meningkatkan prestasi kerja bumiputera dalam pem-

borongan.

Sepanjang kursus itu dua kertas kerja telah dibentangkan iaitu modal pertama pentadbiran projek termasuk penubuhan syarikat, cabaran kepada kumpulan pembinaan, aturan menender, pentadbiran projek di tapak kerajaan dan kajian tender. Semen-

tara kertas kedua ialah aturcara membaca plan, kajian kes menender dan syarat-syarat kontrak.

Terdahulu dari itu satu majlis dialog telah diadakan di antara para peserta kursus dengan Setiausaha Tetap II Kementerian Pembangunan Pengiran Dr Ismail bin Pg Haji Damit berkenaan dengan masalah yang berbangkit dalam kursus tersebut.

Shell pelawa lepasan sekolah

SERIA. — Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad mempelawa penuntut-penuntut lepasan sekolah dari rakyat negara ini bagi mengikuti pelbagai kursus hingga ke pencapaian sijil B/TEC sebelum berkhidmat dengan syarikat itu.

Syarikat akan mengutamakan penuntut-penuntut berkebolehan mencapai taraf juruteknik. Kursus-kursus akan diadakan di Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di Kuala Belait atau di Maktab Teknik Sultan

Saiful Rizal di Jalan Muara.

Berikutan dengan penajaan itu, pihak syarikat telah mengadakan dua majlis taklimat hari Jumaat lepas, masing-masing bertempat di Kelab Ria Shell di sini dan di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di ibu negara.

Ianya bertujuan bagi memberi penerangan kepada penuntut lepasan sekolah mengenai peluang pekerjaan dalam industri minyak dan gas serta keterangan mengenai skim tersebut.

Juruteknik ukur perolehi ijazah sarjana muda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang Juruteknik Ukur Kanan dari Jabatan Ukur, Awang Naweh bin Abu Hanafiah, baru-baru ini telah memperolehi ijazah Sains Pemetaan, Bachelor of Arts (Social Science) dalam bidang Cartography/Geography-Double Major dari Institut Teknologi Western Australia.

Beliau dihantar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti latihan tersebut di Australia selama tiga tahun di bawah skim cuti belajar.

Awang Naweh merupakan anak Brunei yang pertama

mendapat kelulusan tersebut.

Sebelum memperolehi ijazah ini, beliau pernah belajar di Pusat Latihan Antarabangsa, Aerial Survey and Earth Sciences, Enschede, Holland selama lapan bulan pada tahun 1977 dengan memperolehi Diploma Juruteknik dalam bidang Photogrammetry (sains membuat peta dari gambar udara).

Beliau mula berkhidmat dengan Jabatan Ukur dalam bulan Oktober 1970 sebagai Pembantu Teknik Rendah dan dinaikkan sebagai Pembantu Teknik dalam bulan Ogos 1972, dan beliau men-jawat jawatan sebagai Juruteknik Ukur Kanan sejak tahun 1978 hingga sekarang.



SETIAUSAHA Tetap II Kementerian Pembangunan Dr. Pg. Ismail bin Pg. Haji Damit ketika menyampaikan sijil Kursus Pemborong-pemborong Bumiputera kepada Awang Majid bin Tuah. Gambar oleh: Rabee Sabli

PENYELIDIKAN PERUMAHAN

SUKACITA dimaklumkan kepada penduduk-penduduk kampung-kampung yang tersebut di bawah ini bahawa pegawai-pegawai daripada Jabatan Kemajuan Perumahan akan membuat penyelidikan ke atas rumah-rumah mereka bagi tujuan penyelidikan yang mana antara lain adalah terhadap kehidupan sosial, latar belakang penduduk, saiz keluarga, jumlah penduduk yang mempunyai tanah, mempunyai rumah yang disewakan atau mempunyai lebih dari sebuah rumah dan

lain-lain lagi.

Penyelidikan ini akan dimulakan pada hari ini selepas waktu bekerja dan hari selepas awam.

Dari itu dipohonkan kepada penduduk kampung yang berkenaan supaya akan dapat memberikan penerangan dan kerjasama terhadap maklumat yang dikehendaki dengan betul kepada pegawai-pegawai itu.

Kampung-kampung yang terlibat dalam penyelidikan tersebut ialah:

1. Kampong Sumbiling Lama.
2. Kampong Bukit Salat
3. Kampong Sungai Kedayan A.
4. Kampong Sungai Kedayan B.
5. Kampong Ujong Tanjung.
6. Kampong Pengiran Pemanca Lama.
7. Kampong Sultan Lama.
8. Kampong Kianggeh.
9. Kampong Berangan.
10. Kampong Kuala Sungai Peminyak.

Lawatan sambil belajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Yahya bin Mohd Yusof, Timbalan Pegawai Pencen-Pencen Negara, Negara Brunei Darussalam kini sedang berada di Kuala Lumpur, Malaysia kerana mengadakan Lawatan Sambil Belajar di Kementerian Kebajikan Masyarakat, Malaysia. Beliau akan berada di sana selama satu bulan.

MAKLUMAN

"UNTUK makluman orang ramai terutama penduduk Kampong Lumapas dan sekitarnya bahawa Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah pun diadakan bertempat di kawasan lapang berhadapan dengan Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas pada hari Isnin, dua minggu sekali. Keterangan lanjut mengenai jadual lawatan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak bolehlah dirujuk di muka lain akhbar ini."

Hadiri Persidangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Yunus bin Mohd Noh, Juruukur Agung, kini sedang berada di New York bagi menghadiri persidangan The Third United Nations Regional Cartographic for The Americas mulai 19 Februari hingga 1 Mac depan.

Ini adalah buat pertama kalinya Negara Brunei Darussalam menghadiri persidangan profesional seperti itu.

PLBA anjur lumba basikal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amatir Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Lumba Basikal uji masa berpasukan 100 km pada 17 Mac depan dan dijangka akan berlangsung di Pantai Jerudong.

Perlumbaan ini terbuka kepada seluruh peminat sukan yang berkeinginan untuk menyertai acara tersebut.

Borang-borang penyertaan bagi perlumbaan itu boleh didapati dari Awang Yaakub bin Tengah, Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Ivenchia Kong, Kuala Belait dan Chua Kong, Tutong.

Lumba Basikal anjuran persatuan tersebut adalah sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini.

sepintas lalu BRUNEI DARUSSALAM sebelum MERDEKA

SUSUNAN OLEH:

PG. H.J. MUHAMMAD B. PG. H.J. ABD. RAHMAN

Dengan lanjutan perjanjian yang dibuat pada tahun 1847, maka pada tahun 1888 perjanjian antara Kerajaan Brunei dan British itu telah menjadikan Borneo Utara dan Brunei — dua buah negara yang berasingan yang berada di bawah naungan British.

Dengan perjanjian tersebut juga Sultan Brunei bersetuju supaya hubungan luar negeri akan dikenali oleh British. Jelas dengan tindak-tanduk kuasa penjajah, Brunei telah menjadi sebuah negara yang kecil terletak di antara Sabah dan Sarawak. Ini tidak menghairankan kerana hampir seluruh Alam Melayu pada masa itu menghadapi pergolakan yang sama.

Perjanjian yang ditandatangani sebelumnya antara Brunei dan British dalam tahun 1847 itu adalah menentang perompakan dengan satu perenggan tambahan yang memperuntukkan bidang kuasa di luar negeri ke atas warganegara British di Brunei. Peruntukan dalam perjanjian ini telah diubahsuai dalam tahun 1856 kepada bidang kuasa ke atas warganegara British bagi jenayah yang dilakukan di Brunei.

Dalam tahun 1906, Brunei telah menerima British Residen yang pertama iaitu seorang wakil Kerajaan British yang memberikan nasihat ke atas semua perkara kecuali yang berhubungan dengan adat resam dan agama. Seterusnya di antara tahun 1906 dan tahun 1941 sebuah kerajaan bentuk baharu telah muncul dengan lahirnya satu Majlis Negeri (lihat Laporan Tahunan Kerajaan Brunei, 1976, h. 470).

Di bawah sistem beresiden, Brunei kemudiannya menerima perubahan dan kemajuan di antaranya ialah: Pada bulan Oktober 1906, sistem Pos telah diperkenalkan di Brunei dan sebuah Pejabat Pos telah dibina di Brunei. Dan pada tahun 1907 pula jumlah tenaga Pasukan Polis ialah 4 orang N.C.O. dan 24 orang anggota Polis biasa. Semua anggota Polis biasa itu adalah berbangsa India, hanya 4 orang sahaja bangsa Melayu.

Sistem Persekolahan

Juga menarik perhatian ialah sistem persekolahan formal telah diperkenalkan di Brunei sejak tahun 1911. Dalam tahun 1914 muridnya hanya berjumlah 30 orang, dan pelajaran mulanya diajarkan di masjid sebelum dipindahkan ke lain-lain bangunan. Untuk kemudahan membuat perhubungan dengan luar negeri, taligraf radio telah dipasang dan dapat digunakan pada 17 Mei, 1921. Sementara itu satu lawatan yang bersejarah telah dilakukan oleh Putera Wales (Prince of Wales) ke Brunei pada 19 Mei 1922.

Sementara itu dalam tahun 1929, padang minyak telah dibuka. Walaupun pengeluaran hasilnya di peringkat permulaan agak lembab berikutan kelemahan perkembangan ekonomi di England, tetapi beberapa tahun kemudian minyak telah menjadi hasil utama yang memberikan kemakmuran kepada negeri Brunei.

Semasa perang dunia kedua meletus, Brunei turut mengalami zaman sangsara selama 3½ tahun berada di bawah pemerintahan Jepun. Peristiwa yang pahit ini bermula pada subuh 16 Disember, 1941 apabila gelombang tentera Jepun mendarat di Belait kemudian men-

duduki padang minyak Seria.

Enam hari kemudian iaitu pada 22 Disember, Bandar Brunei pula diduduki dan semua pegawai Kerajaan British ditahan. Pihak Jepun mula memperkenalkan dasar kemakmuran bersamanya, tetapi dasar ini meninggalkan kesan buruk terhadap moral rakyat apabila penyiwaan terhadap penduduk di lakukan di khalayak ramai. Penduduk-penduduk berdekatan dengan Kuala Belait dikerah bekerja di padang minyak dan orang-orang di pedalaman dipaksa bercucuk tanam untuk makanan.

Persediaan

Perdagangan terhenti dan hanya beberapa pekedai tertentu dibenarkan bertugas sebagai pembahagi barang-barang keperluan sehari-hari. Penduduk bumiputera adalah bernasib baik kerana pada tahun-tahun sebelum meletusnya peperangan, kerajaan telah mendesak pedagang-pedagang supaya mengimport beras secara besar-besaran, takut peperangan Eropah mengganggu perkapalan di Timur Jauh.

Hasil dari dasar ini, penduduk Brunei mendapat makanan yang cukup pada tahun pertama dan berkurangan pada tahun kedua, tetapi sehingga penghujung tahun 1943 simpanan telah habis digunakan dan hanya sedikit makanan dapat masuk ke Brunei disebabkan oleh hancurnya perkapalan Jepun. Malahan orang-orang Jepun juga kekurangan makanan, tetapi hanya buat sementara waktu. Tiba sahaja musim menuai, sebahagian besar telah dicatu untuk memberi makan tentera Jepun dan ini mengakibatkan suatu keadaan kelaparan yang serius di kalangan penduduk-penduduk Brunei masa itu. Ubat tidak ada. Penyakit malaria merebak dan daya tahan rakyat terhadap penyakit semakin lemah.

Dalam tahun 1941, tentera udara Bersekutu mulai mengambil bahagian cergas di Brunei, hampir setiap hari serangan-serangan dilakukan dan akhirnya kawasan utama dalam bandar musnah oleh pengeboman. Semua kedai di Kuala Belait dan Bandar Brunei musnah. Tetapi Kampong Ayer bernasib baik kerana kebanyakan rumah-rumah di situ terselamat dari serangan. Hampir semua penduduk bumiputera lari ke daerah-daerah pedalaman untuk bercucuk tanam dan hidup di sana sehingga tiba tentera Bersekutu.

Pada 10 Jun, 1945, tentera Bersekutu mendarat di Muara dan memasuki Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) dengan mudahnya. Manakala itu orang-orang Jepun sedang giat memusnahkan bangunan-bangunan mereka dan juga membakar padang minyak Seria. Banyak orang awam yang dipenjarakan kerana disyaki menjalankan kegiatan anti Jepun telah dibunuh. Orang-orang Jepun kemudiannya berundur ke daerah pedalaman dan banyak di antara mereka maut di tangan orang-orang Dayak.

Dengan kemasukan tentera Bersekutu yang berjaya mengusir tentera Jepun, maka bermulalah zaman pembangunan semula di bawah pentadbiran tentera British. Dan pada 6 Julai, 1946, pemerintahan negeri Brunei dengan rasminya telah diserahkan kembali kepada pentad-

biran awam. (Lihat State of Brunei, Annual Report 1958, h 200-202).

KESIMPULAN

Mulai awal abad yang ke-16 Masihi lagi telah memperlihatkan Brunei memasuki era baru dalam hubungan dengan negara-negara Eropah seperti Sepanyol, Portugis dan Italy. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi, dan sikap lintah darat Portugis, terhadap pedagang-pedagang yang singgah ke Melaka, telah mengurangkan minat para pedagang dari segala bangsa untuk datang ke Melaka, sebaliknya mereka mencari tempat yang lebih sesuai dan menguntungkan. Salah sebuah tempat yang mereka fikirkan menarik perhatian dan strategik ialah Brunei. Maka ramailah pedagang-pedagang dari negara-negara Timur dan Barat yang datang ke Brunei seperti China, India, Arab, Parsi,

bangkan ugama Kristian di kalangan penduduk-penduduk tempatan. Walaupun tidak sepenuhnya, motif-motif mereka ini telah berjaya di jalankan di Manila, kemudiannya mereka cuba pula untuk menjayakan-nya di Brunei.

Perbalahan

Kebetulan di Brunei sedang berlaku perbalahan di kalangan keluarga Diraja Brunei, ini telah memudahkan usaha penaklukan Sepanyol ke atas Brunei pada tahun 1578. Tetapi pejuang-pejuang Islam di Brunei tidak patah semangat untuk mempertahankan ugama suci yang mereka anuti dan tanahair mereka, kerana itu dengan keazaman yang penuh pejuang-pejuang Brunei di bawah pimpinan Bendahara Sakam telah dapat menghalau Sepanyol dari bumi Brunei pada tahun 1580.

musuhan tersebut hanya akan mencepatkan mereka gulung tikar dari bumi Asia Tenggara ini. Brunei pula mengambil sikap sederhana iaitu bersikap 'baik' dengan orang yang mahukan kebaikan, sebaliknya 'menentang' habis-habisan terhadap orang yang ingin melakukan kejahatan.

Abad-abad selepas itu Brunei semakin lemah dan merosot, ini telah diambil kesempatan oleh negara-negara Eropah untuk memecah-belahkan dan menguasai Borneo. Pada peringkat ini semakin banyak negara-negara Barat yang mengambil bahagian seperti British, Belanda, Portugis, Amerika Syarikat dan Austria. Akhirnya dalam perebutan pengaruh itu hanya dua kuasa barat yang berjaya iaitu Belanda di bahagian Selatan Borneo, sementara British di bahagian Utara Borneo.



PENANDATANGANAN Perjanjian Tambahan Antara Brunei dengan Great Britain mengenai perlindungan Kerajaan British ke atas Negeri Brunei. DYMM Sultan Hashim Jalil-ul-alam Akamadid menandatangani bagi pihak Negeri Brunei, sementara John Anderson bagi pihak Kerajaan British. (Imajinasi pelukis).

Sepanyol, Italy malah pedagang-pedagang Portugis sendiri.

Laporan Anthony Pigafetta mengenai kedudukan Brunei pada tahun 1521 Masihi itu telah menarik perhatian Eropah untuk berhubung dan mengenali Brunei secara lebih dekat, yang akhirnya menimbulkan dua sikap yang berlawanan dari pihak Sepanyol dan Portugis.

Bagi Sepanyol, walaupun mereka pada awalnya menunjukkan sikap bertoleransi dan berdiplomasi tetapi setelah berjaya menduduki Manila, menggalakkan mereka pula meneruskan cita-cita asalnya untuk menakluki dan menguasai beberapa buah negara di Alam Melayu ini termasuk Brunei, dengan penaklukan tersebut di bidang politik menjadi satu kemegahan dan mengharumkan nama mereka, di samping itu membolehkan mereka menguasai bidang perniagaan, seterusnya mengem-

Mungkin menyedari kekuatan Brunei dari segi fizikal dan akidah Islamiah, atau usaha menundukkan Brunei hanya satu kerja sia-sia yang lebih banyak merugikan mereka sendiri dari merugikan Brunei, maka pihak Sepanyol tidak lagi cuba melakukan serangan ke atas Brunei selepas itu.

Sebaliknya pihak Portugis yang juga mungkin menyedari kekuatan Brunei sebagaimana laporan Anthony Pigafetta itu, dari awal lagi telah membuat hubungan baik dengan Brunei. Kegagalan Portugis di Melaka baik dari segi perdagangan dan mengembangkan ugama Kristian telah menyedarkan untuk tidak terisilap langkah dengan Brunei. Walaupun Portugis bermusuhan dengan Aceh, ia tidak pula mahu lagi menambahkan musuhnya dengan negara-negara lain seperti Johor, Pahang, Perak dan Brunei. Mereka tahu dengan menambahkan per-

Dalam abad ke-17 dan berikutnya ini jelas Brunei tidak gembira, kerana satu demi satu negara yang asalnya di bawah takluk dan pentadbirannya terlepas ke tangan penjajah British, yang akhirnya meletakkan Brunei menjadi sebuah negara kecil di pulau Borneo.

Sungguhpun ada keburukannya, namun British juga membawa kebaikan kepada negeri yang diduduki atau dinaunginya seperti Brunei. Mulai awal abad ke-20 berbagai kemajuan seperti bidang pelajaran, perhubungan, ekonomi, kesihatan dan lain-lain telah diperkenalkan oleh British di Brunei. Pendudukan Jepun ke atas Brunei selama beberapa tahun itu tidak menghalang Brunei dari terus bergerak ke hadapan menikmati kehidupan dan suasana yang lebih baik, juga lebih mencabar.

(Bersambung)

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...Siri ke-265

APA ITU BID'AH?

(Bahagian pertama)

ERTI Bid'ah dalam percakapan orang Arab: Membuat atau mencipta akan sesuatu dengan tiada contoh atau dengan tiada bandingan dahulu padanya, seperti Allah Taala mencipta alam ini dengan tiada contoh lebih dahulu padanya.

Erti Bid'ah pada syarak atau ugama: Suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam lepas zaman Rasulullah, padahal perkara itu tiada diketahui dibuat ada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bid'ah dalam syarak itu terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Bid'ah Hasanah (bagus) atau Bid'ah Mahmudah (terpuji).
2. Bid'ah Dzalah atau Bid'ah Sesat atau Bid'ah Dzalalah.
3. Bid'ah Qabihah atau Bid'ah Buruk.

Bid'ah Hasanah itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam lepas zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam padahal perkara itu tiada diketahui dibuat pada zaman Nabi, tetapi perkara itu termasuk di bawah dalil khas atau am dari Al-Quran atau dari Hadis Rasulullah atau dari ijma' sekata Ulama Islam padanya.

Bid'ah Dzalah atau Bid'ah Dzaallah dan Bid'ah Sesat itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam dan perkara yang dibuat itu menyalahi akan dalil dari Quran atau menyalahi dalil dari Hadis atau menyalahi akan ijma' Ulama Islam padanya.

Atau Bid'ah Dzalah atau Bid'ah Sesat itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam dengan menyalahi akan hukum-hukum syarak dan menyalahi akan dalil syarak yang khas, atau menyalahi akan dalil syarak yang am.

Bid'ah Qabihah atau Bid'ah Buruk atau Bid'ah Makruh itu suatu perkara yang dibuat oleh orang Islam, padahal ada dalil syarak menerangkan perkara itu tiada disukai oleh syarak akan orang Islam membuatnya yakni makruh dibuat akan perkara itu.

Berkata Al-Imam Asy-Syafi'e Radhiallahu Anhu: "Tiap-tiap perkara yang dibuat oleh orang, dan perkara itu menyalahi akan hukum Al-Quran, atau menyalahi akan hukum hadis, atau menyalahi ijma' ulama Islam atau menyalahi

athar atau perjalanan kelakuan sahabat-sahabat Rasulullah. Maka itulah yang dinamakan dia Bid'ah Salah atau Bid'ah Dzalah atau Bid'ah Sesat. Dan tiap-tiap perkara yang dibuat oleh orang padahal perkara itu baik, dan tiada menyalahi sesuatu hukum dari Al-Quran dan Hadis dan ijma' dan athar, maka itulah dinamakan dia Bid'ah Mahmudah."

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar Rahimahullahu Taala: "Bid'ah Dzalah itu suatu perkara yang dibuat oleh orang dan perkara itu menyalahi akan hukum-hukum syarak dan menyalahi akan dalil-dalil syarak yang khas atau dalil yang am."

"Bid'ah yang dibuat oleh orang Islam, padahal bid'ah itu tiada diketahui berlaku pada zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka bid'ah itu ada kalanya wajib dibuat, ada kalanya sunat dibuat, ada kalanya haram dibuat (Bid'ah Dzalah) dan ada kalanya makruh dibuat, dan ada kalanya mubaah (harus dan boleh dibuat dan boleh ditinggalkan).

Cara hendak mengetahui suatu perkara itu atau perbuatan itu wajib, atau sunat, atau haram, atau makruh, atau mubaah hendaklah dihadapkan suatu perkara atau perbuatan bid'ah itu pada hukum syarak tadi pada Al-Quran atau pada Hadis atau ijma', maka mana-mana perkara atau perbuatan bid'ah itu masuk di bawah satu dari hukum syarak yang lima iaitu wajib, sunat, haram, makruh, dan mubaah, maka masuklah perkara atau perbuatan bid'ah itu di bawah tertakluk hukum itu.

Setengah dari perbuatan bid'ah yang wajib itu, orang Islam belajar ilmu nahu bagi tujuan memahami Al-Quran dan Hadis Rasulullah, belajar bahasa Arab bagi mengenal hukum-hukum Islam, belajar ilmu-ilmu bahasa Arab, belajar ilmu Tauhid, belajar ilmu Fiqh, belajar ilmu Usul Al-Fiqh, belajar ilmu akhlak Islam, belajar Tafsir, belajar ilmu Hadis, belajar ilmu Mantiq dan ilmu Hisab dan lain-lain seumpamanya bagi memahami ugama Islam dan memperteguhkannya, belajar ilmu menolak faham Puak Qadariyah dan

Mutazilah, Puak Jabariah, Puak Murjiah dan Mujassimah, Puak Komunis, sosialis, falsafah Timur dan Barat, fikiran-fikiran ekonomi, fikiran-fikiran akhlak yang berlawanan dengan dasar Islam dan menolak tulisan-tulisan dan fikiran-fikiran orang orientalis bangsa Eropah yang bertentangan dan mengelirukan Islam dan lain-lain seumpamanya.

Setengah dari perbuatan Bid'ah Dzalah atau Bid'ah Dzaallah atau Bid'ah Sesat atau haram ialah mazhab dan ajaran Puak Qadariyah, Puak Jabariah, Puak Murjiah, Mujassimah yang menjadikan tuhan mereka sebagai patung berhala, dan lain-lain puak yang menyalahi ajaran Ahli Sunnah Wal-Jemaah (yang ketua agung Ahli Sunnah Wal-Jemaah itu ialah Al-Imam Abu Hasan Al-Asy'aari dan Al-Imam Al-Maturidi) seperti mazhab dan ajaran Komunis, Sosialis, ahli falsafah, ahli ekonomi, ahli akhlak yang mana berlawan dan bertentangan dengan ajaran dan dasar Islam.

Haram belajar mazhab-mazhab itu dengan tiada



lebih dahulu belajar betul-betul akidah Islam dan Ilmu Tauhid, bagi memper-tahankan diri dari pengaruh dan subhat dan kesamaran yang dibawa oleh ajaran dan mazhab sesat dan kufur itu.

Bid'ah Dzalah atau Bid'ah Dzaallah atau Bid'ah Sesat haram itu ialah seperti ajaran Qadianiah, Bahaiah, Ahmadiyah, Islamiah, Tashim, Duruz, Batiniyah, Daudiah, ajaran senaman Maharistha yang mencari ketenangan jiwa dengan berkendak dan berzina semuannya itu kufur dan jika orang Islam mengambil ajaran-ajaran itu maka ia telah murtad dan keluar dari ugama Islam dan tercerai isterinya daripadanya kiranya tiada bertaubat dan tidak balik kepada Islam sebelum habis idah isterinya itu dengan mengucap dua kalimat syahadat dan membuang kepercayaan yang salah dan kufur itu.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

KUALA BELAIT. — Sem-bilan orang telah memeluk ugama Islam dalam beberapa majlis pengIslaman berasingan di Daerah Belait sepanjang bulan lepas.

Ee Fook Saw, gadis China berusia 30 tahun dari Lopeng, Miri, Sarawak memeluk ugama Islam pada 2 Januari

lepas, dan kini dikenali sebagai Kathirini Ee bte Abdullah. Sementara itu, Ampara Anak Ajong, pemuda Iban berusia 18 tahun dari Kampong Gabang Seria kini dikenali sebagai Awg. Mawar-

di bin Abdullah. Kedua-dua mereka telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Mohamad bin Haji Mamit, Pembantu Perkembangan Ugama di Pejabat Hal Ehwal Ugama di sini.

Juga memeluk Islam pada 3 Januari lepas ialah Dy. Sekmah bte Laki, gadis Dusun berusia 19 tahun. Dy. Sekmah yang berasal dari Kg. Batang Mitus, Tutong melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, dan memilih nama Islamnya sebagai Norhasimah bte Abdullah.

Sementara itu, seorang bangsa India berusia 64 tahun memeluk Islam dalam majlis yang berlangsung di Pejabat Hal Ehwal Ugama di sini. Aysamy M. berasal dari Pondicherry, Madras memilih nama Islamnya sebagai Awg. Abd. Samik Abdullah setelah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awg. Mohamad bin Haji Mamit, Pembantu Perkembangan Ugama.

Seorang lagi gadis Iban, Kuri Anak Jalang, berusia 31 tahun dari Kenowit telah memeluk Islam di hadapan Pg. Anak Hjh. Masnah bte Pg. Muda Safiuddin, Pegawai Pelajaran Ugama, dan memilih nama Islamnya sebagai Dy. Hayati bte Abdullah. Beliau memeluk Islam pada 12 Januari lalu di Pejabat Hal Ehwal Ugama di sini.

Kuli bin Kayong juga dikenali sebagai Asmaded bin Kayong berusia 29 tahun dan berasal dari Sungai Liang,

Seria memilih nama Islamnya sebagai Mohd. Asmaded bin Abdullah setelah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Haji Yusof bin Munjil, Imam Masjid Jame', Seria di majlis yang berlangsung di rumah Awg. Haji Yusof di Pekan Seria.

Juga memeluk Islam ialah Sadiyah Anak Rangkong berusia 18 tahun dari Seria dan Lucy Anak Sain dari Rampayoh, Labi. Sadiyah kini dikenali sebagai Saadiyah bte Abdullah setelah memeluk Islam di hadapan Pengiran Anak Hajjah Masnah, Pegawai Pelajaran Ugama, dan Lucy kini dikenali sebagai Dy. Siti Fatimah bte Abdullah setelah memeluk Islam di hadapan Awg. Mohamad Haji Mamit, Pembantu Perkembangan Ugama. Kedua-dua majlis berlangsung di Pejabat Hal Ehwal Ugama di sini.

Chong Chai Koi juga dikenali sebagai Chong Moi berusia 54 tahun dan berasal dari Jalan Mumong Kecil, Kuala Belait telah memeluk Islam pada 26 Januari lalu, di rumah Haji Hussin bin Salleh di Kg. Mumong Kecil. Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Hjh. Azizah bte Nawi, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, dan memilih nama Islamnya sebagai Dy. Nafiah bte Abdullah.

Sementara itu, Hamye bte

Apeh, gadis Dusun berusia 21 tahun dan berasal dari Kg. Ukong, Tutong telah memeluk Islam pada 1 Februari lalu di rumah Awg. Abdullah bin Aris. Beliau memeluk Islam di hadapan Awg. Mohamad bin Haji Tamit dan kini dikenali sebagai Hamye Sulaina bte Abdullah.

Manakala seorang pemuda Belanda berusia 32 tahun kini dikenali sebagai Awg. Mohd. Wardi bin Abdullah setelah memeluk Islam pada 9 Februari lalu. Theodoros B.G. De Natris melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat, Pembantu Perkembangan Ugama dalam majlis yang diadakan di Pejabat Hal Ehwal Ugama di sini.

RALAT

SIRI Menuju Keredaan Allah keluaran minggu lepas di bawah tajuk: Bersyukur Dengan Kelebihan Nikmat terdapat kesilapan pada ruang kedua baris ke-17 dari atas dan hendaklah dibaca seperti berikut: ...masa ini, mereka itu tidak....

Pada ruang ketiga para kedua perkataan 'bermushaf' hendaklah dibaca 'bermohon.' Manakala pada ruang kelima para akhir perkataan 'Lapangan' hendaklah dibaca 'Lapangnya.' — Penyunting.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

dari 20 Feb. — 27 Feb. 1985

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	20.2.1985	Rabu	Cuti tahun baru Ch'na
Sekolah Melayu Mentiri	20.2.1985	Rabu	Cuti tahun baru Ch'na
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin Sungai Besar	20.2.1985	Rabu	Cuti tahun baru Ch'na
Sekolah Melayu Batu Marang	20.2.1985	Rabu	Cuti tahun baru Ch'na
Sekolah Melayu Sungai Liang dan Lumut	21.2.1985	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	21.2.1985	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yusoff Katimahar	23.2.1985	Sabtu	Cuti Hari Kebangsaan
Penjara Jerudong	23.2.1985	Sabtu	Cuti Hari Kebangsaan
Sekolah Melayu Mulaut	23.2.1985	Sabtu	Cuti Hari Kebangsaan
Sekolah Melayu Birau	23.2.1985	Sabtu	Cuti Hari Kebangsaan
Sekolah Melayu Kluang	23.2.1985	Sabtu	Cuti Hari Kebangsaan
Sekolah Melayu Lamunin	23.2.1985	Sabtu	Cuti Hari Kebangsaan
Sekolah Melayu Haji Md Salleh Sungai Hanching	25.2.1985	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan	25.2.1985	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg Menengah)	26.2.1985	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas	26.2.1985	Selasa	10.30-11.30 pagi
Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap	26.2.1985	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong	26.2.1985	Selasa	3.30- 4.00 petang
Sekolah Persediaan Ingeris Sengkurong	26.2.1985	Selasa	4.30- 5.30 petang
Sekolah Melayu Limau Manis	27.2.1985	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	27.2.1985	Rabu	9.45-10.45 pagi
Sekolah Melayu Masin	27.2.1985	Rabu	11.00-12.00 t. hari
Di hadapan Sekolah Melayu Kupang	27.2.1985	Rabu	2.00- 3.00 petang

PENGURNIAAN HARTA

UJI KEIMANAN KITA

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhannya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Bersyukur di atas nikmat dan kurnia Allah Subhanahu Wataala tidaklah mencukupi dengan hanya mengucap "Alhamdulillah" atau "syukur kepada Allah" sahaja, tetapi bersyukur yang sebenarnya ialah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi larangan-larangan-Nya, serta meletakkan nikmat-nikmat yang diberikan itu pada tempat yang selayaknya. Atau dengan perkataan lain, nikmat-nikmat yang diberikan itu hendaklah dipergunakan dengan sebaik-baiknya pada perkara-perkara yang berkebaikan dan diredai oleh Allah. Sekiranya nikmat yang diberikan itu dipergunakan pada perkara yang sia-sia maka ini tidak dinamakan bersyukur, apatah lagi kalau ianya digunakan pada perkara-perkara maksiat maka itu dinamakan derhaka dan mengingkari nikmat Allah Taala.

MENGUNAKAN HARTA

Seseorang yang dikurniakan harta kekayaan, umpamanya sebagai tanda ia bersyukur kepada Allah maka sudah sepatutnya ia menggunakan harta tersebut pada perkara-perkara yang berkebaikan, seperti menolong dan membantu fakir miskin, mengeluarkan derma untuk membangun masjid atau sekolah, menolong anak-anak yatim, memberi belanja atau nafkah tanggungan-tanggungan yang wajib ditanggung dan sebagainya.

Sekiranya harta kekayaan dan kesenangan itu digunakan pada perkara-perkara yang sia-sia dan maksiat, maka itu bukan bersyukur namanya. Bahkan orang itu telah mengkhianati amanah yang diberikan oleh Allah kepadanya supaya menggunakan harta itu pada jalan yang lurus.

Menggunakan harta kekayaan pada perkara-perkara maksiat seperti berjudi, berpoya-poya, membazir pada membeli barang-barang yang tidak perlu, juga boleh

merosakkan harta itu. Harta kekayaan itu akan habis dan musnah tanpa disedari oleh orang yang memilikinya, dan akhirnya orang itu akan menyesal dengan seribu sesalan dan di hari akhirat pula ia akan dipertanggungjawabkan atas penyalahgunaan terhadap harta kekayaan itu.

Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala ada berfirman yang maksudnya kira-kira: "Sekiranya kamu bersyukur atas nikmat yang Ku anugerahkan kepada kamu nescaya akan Ku tambah lagi nikmat bagi kamu. Tetapi sekiranya kamu engkar sesungguhnya siksa-Ku adalah sangat pedih."

MENGUJI KEIMANAN

Di samping itu, harta kekayaan yang dikurniakan kepada kita janganlah pula mendorong kita bersifat takbur serta tinggi diri atau lebih mulia daripada orang lain yang tidak mempunyai harta. Pengurniaan harta kekayaan bukanlah untuk melahirkan rasa tinggi diri pada orang yang diberikan harta itu. Pengurniaan harta kekayaan sebenarnya lebih

banyak bertujuan untuk menguji keimanan dan sikap seseorang, iaitu sama ada ia menggunakan harta tersebut pada perkara-perkara yang betul dan diredai oleh Allah ataupun tidak. Oleh itu kita dapati taklif atau tanggungjawab orang-orang yang berharta lebih banyak dan lebih berat daripada orang-orang yang tidak berharta. Atas asas orang-orang yang berharta itu lebih berkemudahan dan berpeluang untuk membuat amal ibadat yang banyak daripada orang-orang yang tidak berharta. Kerana itulah ada kejadian-kejadian untuk kita teliti sebagai tamsil ibarat kepada kita, iaitu al-Mukminin Saidatina Khadijah Radhiallahu Anha adalah seorang kaya, Sayidina Abu Bakar Al-Siddi Radhiallahu Anhu adalah seorang kaya, Sayidina Umar Al-Khattab radhiallahuanhu juga seorang kaya dan lebih-lebih lagi Sayidina Othman bin Affan Radhiallahu Anhu seorang saudagar. Di samping itu ada lagi nama-nama lain seperti sahabat Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain lagi. Sejarah telah berkata, bahawa di sam-

ping mereka itu orang-orang yang berjaya di dalam penghasilan, mereka juga adalah orang-orang yang berjaya dan mendapat laba besar di akhirat kerana harta-harta mereka itu tidak seperti kebanyakan orang di akhir zaman, harta dan kekayaan nampaknya mudah menjerat dan menjadi perangkap kecelakaan kepada kita.

Cara untuk melepaskan diri

daripada jeratan atau perangkap ini, marilah kita banyak-banyak ingat akan Allah, ingatlah bahawa Allah itu Maha Penguji, kadang-kadang kita ini diujinya dengan penderitaan, bencana atau bala, tetapi tidak kurang pula orang-orang yang diuji dengan nikmat, jika kita bersyukur, kita selamat dan berjaya, tetapi jika tidak, maka buruklah padahnya.



Menuju keredaan Allah

SERING kita mendengar daripada warisan peribahasa Melayu yang disebutkan oleh orang tua-tua sama ada secara lisan mahupun di dalam sastra dan cerita iaitu: "Budi baik dibalas baik juga." "Ada ubi ada batas ada budi ada balas." Memang selakunya orang-orang yang tahu mengenang jasa dan budi akan membalas dengan budi. Budi yang dimaksudkan di sini adalah budi yang baik dan khidmat-khidmat yang

ikhlas dan murni. Pembalasan budi ini dapat disebutkan dengan lisan dengan rangkaian ayat "terima kasih."

Maka apakah pembalasan yang wajar diterima oleh orang-orang yang beriman dan beramal bakti kepada Allah? Kita tidak pernah mendengar Allah menerima kasih kepada kita jika kita mengerjakan ibadat, membuat baik dan seumpamanya. Tetapi Allah tetap berjanji di dalam Kalamullah di dalam Kitab Suci Al-Quran bahawa setiap perbuatan baik itu tetap akan mendapat balasan baik dan ganjaran pahala pula daripada Allah Subhanahu Wataala. Ayat-ayat Al-Quran banyak

menyatakan berhubung dengan pembalasan itu di antaranya bermaksud: "Jika kamu berterima kasih kepada Allah maka Aku akan lebihkan dan gandakan balasannya tetapi sebaliknya jika kamu kufur, maka azab Allah amatlah pedihnya." Pembalasan Allah tetap berlaku kerana Tuhan tidak pernah mungkir janji. "Sesungguhnya Allah tidak pernah mungkir janji."

Sebagai pembalasan ialah bahawa setiap orang yang beriman dan berbuat baik dimasukkan ke dalam syurga, sedangkan orang-orang yang kafir dan berbuat jahat dimasukkan ke dalam neraka. Bagi orang-orang jahat akan terasa

benarlah bagaimana jahatnya kejahatan demi kejahatan yang pernah dilakukannya semasa hidupnya di dunia ini. Dan bagi orang-orang yang baik akan terasa benarlah bagaimana baiknya setiap kebaikan demi kebaikan yang dilakukannya di dalam hayatnya di dunia ini.

Ya, beruntunglah dan bahagialah orang-orang yang selama hidupnya di dunia ini beriman dengan Allah dan melakukan kebaikan. Manakala celakalah dan amat rugilah orang-orang yang selama hidupnya di dunia ini kafir dan melakukan kejahatan-kejahatan dan tidak beriman dengan Allah dan Rasul-Nya.

Dengan masuk syurga dan neraka, maka tetapih segala perjuangan hidup, tinggal lagi merasakan pembalasan dari setiap apa yang diperbuatnya selama hidup. Bagi yang masuk syurga, mereka akan merasa enak, bahagia, senang, gembira buat selama-lamanya. Bagi yang masuk neraka, pedih, sakit, susah, sengsara, celaka, panas, lapar dan dahaga terus-menerus buat selama-lamanya pula.

Hidup di syurga adalah kehidupan yang abadi, setiap orang yang masuk syurga akan selamanya di dalam syurga itu tidak akan keluar. Tetapi di dalam neraka ada yang abadi buat selama-lamanya. Dan ada pula dibuat sementara sahaja. Dikatakan bahawa orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya tetapi di dalam hidupnya di dunia pernah melakukan perbuatan-perbuatan yang jahat, maksiat atau dosa besar, maka dia akan dimasukkan ke dalam neraka buat beberapa lama kemudian ia akan dikeluarkan dari neraka itu dan dimasukkan pula ke dalam syurga. Adapun orang-orang yang tidak percaya kepada Allah dan Rasul-Nya mereka akan tinggal di dalam neraka buat selamanya.

Ayat-ayat Al-Quran dan Hadis-Hadis Nabi Muham-

mad Sallallahu Alaihi Wasallam banyak sekali yang menggambarkan keindahan syurga dan kekebatan neraka seperti hadis berikut kira-kira maksudnya: "Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dari Ibnu Umar: Pada suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berkhutbah di antaranya bersabda: "Jangan sampai kamu lupa dua perkara yang hebat iaitu syurga dan neraka." Kemudian Baginda menangis sehingga mengalir air matanya melilil membasahi janggut Baginda lalu bersabda lagi: "Demi Tuhan yang memegang jiwa Muhammad dalam tangan-Nya sekiranya kamu mengetahui akan apa yang aku ketahui sesungguhnya kamu akan naiki tempat yang tinggi dan akan menghamburkan tanah di atas kepalamu." Ketika ditanyakan orang tentang syurga Rasulullah menjawab dengan pendek: "Suatu yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terbayang dalam khayalan manusia akan keindahan syurga itu."

Maka mudah-mudahan kita yang telah beriman kepada Allah dan mengamalkan perbuatan-perbuatan baik mengikut suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya itu akan mendapat bahagian di dalam syurga — insya-Allah.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20 Februari, 1985 hingga ke hari Selasa 26 Februari, 1985 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
20	12.40	3.59	4.00	6.37	6.38	7.48	7.49	5.19	5.05	5.20	6.33	6.34
21-25	12.39	3.58	3.59	6.37	6.38	7.48	7.49	5.17	5.04	5.18	6.32	6.33
26	12.38	3.57	3.58	6.37	6.38	7.47	7.48	5.16	5.03	5.17	6.31	6.32

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat diseluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

LEPASAN SEKOLAH DIPELAWA IKUTI KURSUS

SHELL Brunei sedang mempelawa belia rakyat Brunei Darussalam yang sudah meninggalkan sekolah sebagai pelatih-pelatih industri untuk bekerja di dalam bidang industri minyak dan gas.

Awang Abdul Wahab Haji Jakiah, dari Jabatan Perkembangan Kakitangan, bertanggungjawab bagi penyelarasan keseluruhan rancangan ini berkata: "Kami mencari orang yang berkesanggupan bagi juruteknik yang boleh selanjutnya diperkembangkan dalam pekerjaan mereka."

Beliau berkata mereka yang boleh memenuhi kesemua syarat-syarat akan ditaja untuk belajar di dua buah institusi kerajaan, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih di Kuala Belait dan Maktab Teknikal Sultan Saiful Rizal di Jalan Muara. Syarikat ini telah memberhentikan pengambilan pelatih-pelatihnya secara langsung semenjak tahun lepas.

Ini mencerminkan kemajuan pelajaran teknikal Brunei Darussalam yang menyediakan kursus-kursus yang dapat memenuhi

Pelatih telekom buat lawatan

SEMBILAN orang pelatih B/TEC dari Maktab Teknikal Sultan Saiful Rizal di Jalan Muara telah diberi peluang untuk menambah pengetahuan dan pengalaman mereka mengenai industri minyak dan gas dalam lawatan sehari mereka ke Shell Brunei minggu lepas. Para pelatih itu ialah dari bahagian telekomunikasi maktab tersebut.

Di awal lawatan hari itu, mereka telah diberi taklimat mengenai sejarah perkembangan minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam di Muzium Brunei yang disampaikan oleh Abed Abdull Hamid, Pegawai Perhubungan Sekolah dalam Jabatan Hal Ehwal Awam yang diikuti dengan lawatan ke balai pameran minyak dan gas.

Kemudian para penuntut tersebut dibawa ke Pusat Penerangan di Seria di mana mereka telah diberi penerangan mengenai skim biasiswa syarikat oleh Maimun Haji Mohammad, Penasihat Penuntut dalam Jabatan Perkembangan Kakitangan.

Seismik bermula

KEMPEN seismik bagi tahun ini telah dimulakan minggu lepas dengan pengukuran letupan pertama di kawasan dekat MPE. Letupan-letupan itu telah diledakkan pada kedalaman kira-kira 130 kaki, ini ialah permulaan rancangan dua bulan kawasan ini sebelum bereda ke pengukuran air tohor di kawasan pesisir pantai di antara Seria dan Kuala Belait.

keperluan-keperluan industri seperti minyak dan gas.

Calon-calun yang berjaya akan mengikuti kursus utama Sijil-sijil B/TEC dan bidang-bidang mekanikal, elektrik dan kejuruteraan elektronik dan juga telekomunikasi. Kelamaan kursus-kursus ini dijalankan ialah tiga tahun yang diselitkan dengan pembahagian kerja industri di dalam jabatan-jabatan yang berkenaan dalam BSP dan LNG Brunei.

Para pelatih akan dihantar ke jabatan-jabatan mengikut

kursus mereka di penghujung tahun pertama mereka belajar.

Untuk memohon, calon-calun mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

1. Lelaki yang berumur tidak lebih dari 23 tahun pada 1 Julai, 1985.
2. Rakyat Negara Brunei Darussalam.
3. Bersedia untuk bekerja di luar pantai dan atau di luar masa bekerja.
4. Sudah menamatkan tingkatan lima dan telah

mengambil Sijil Pelajaran Am (Peringkat Biasa) dalam mata pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada para pemohon dengan kelayakan-kelayakan berikut:

1. Sekurang-kurangnya memperolehi satu kredit dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau Sains di peringkat biasa GCE.
2. Sekurang-kurangnya mempunyai satu kelulusan dalam Bahasa Inggeris di peringkat biasa GCE.



SEBAHAGIAN dari pelatih-pelatih yang sedang dalam penempatan di bahagian mekanikal.

Penuntut PTE bekerja sementara

SERAMAI kira-kira 30 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam yang masa ini menunggu keputusan peperiksaan GCE peringkat A, telah diberikan pekerjaan sementara dengan Shell Brunei tahun ini.

Penuntut-penuntut ini bertugas di beberapa jabatan dan kebanyakan mereka bekerja di bidang kejuruteraan dan yang lain di jabatan perkiraan dan komputer bagi selama kira-kira enam bulan.

Mereka yang ditawarkan pekerjaan tersebut ialah mereka yang pernah menyatakan keinginan untuk bertugas di Shell Brunei berikutan dengan taklimat kerja yang berlangsung di Pusat itu.

Awang Mat Suny Haji Mohamad Husein, Bakal Pengurus Perkhidmatan-perkhidmatan Kakitangan dan Organisasi menerangkan matlamat-matlamat kerja Shell Brunei: "Kami berhasrat untuk memberikan penuntut itu pengalaman di bidang perindustrian dan perdagangan, dan mereka perlu mengetahui tentang tugas di sesebuah organisasi di mana

mempunyai lebih dari 20 bangsa pekerja dan bahasa yang digunakan adalah bahasa Inggeris."

Awang Mat Suny juga berkata bahawa syarikat berhasrat agar para penuntut ini akan mengalami rasa puas hati dan penyertaan sesudah melaksanakan projek-projek yang mendorong. Tetapi yang lebih penting syarikat mengharapkan supaya para penuntut ini akan menjalin suatu perasaan yang "dipunyai" oleh setiap jabatan di mana mereka ditempatkan, agar setelah tamat pengajian mereka akan menceburkan diri dalam pekerjaan yang tidak asing lagi bagi mereka.

Bergantung kepada keputusan mereka, Shell Brunei akan membantu mereka mencari tempat di beberapa politeknik dan university di United Kingdom. Pada tahun ini syarikat berhasrat untuk menawarkan 25 biasiswa, bergantung kepada pengesahan kerajaan.

Tambahan bagi penuntut-penuntut Tingkatan Enam, Shell Brunei juga memberikan pengalaman berkerja untuk seramai empat



SEBELUM memulakan kerja penuntut-penuntut tersebut diberikan taklimat oleh Awang Mat Suny Haji Mohd Husein.

orang mahasiswa syarikat dan tiga orang mahasiswa yang ditaja oleh pihak kerajaan yang sekarang masih melanjutkan pelajaran mereka di UK yang kembali ke Brunei bagi tugas tugas sementara di perindustrian.

Satu kumpulan penuntut yang kini diberikan tugas-tugas perindustrian adalah mereka yang sedang mengikuti beberapa kursus TEC yang ditaja oleh Shell Brunei di Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih, Kuala Belait, dan di Maktab Teknikal Sultan Saiful Rizal di Jalan Muara.

Jumlah kesemua penuntut yang sedang diberikan tugas-tugas seperti ini adalah kira-kira 100 orang setiap setahun.



TANGKI 7 DIBAIKI

KERJA pembaikan bagi Tangki eksport ke-7 di Pengkalan Minyak Seria dijangka siap dalam bulan ini. Ini sangatlah diperlukan kerana tangki-tangki ini telah mengalami pendudukan-pendudukan (pembersihan) yang berlebihan di dalam asas-asas permukaan bangunan dan telah tenggelam di bawah permukaan tanah. Pendudukan-pendudukan yang berlebihan setinggi empat kaki telah berlaku.

Kerja di Tangki 7 telah dimulakan pada bulan Jun tahun lalu di mana ia telah dibersihkan dan selamat bagi pembaikan-pembaikan yang perlu dijalankan. Tangki itu telah diangkat dari atas permukaan bangunan. Tangki tersebut sekarang sudah hampir tiga kaki tinggi di atas asas bangunannya yang baru itu.

Dengan tangki itu sudah di

atas asas bangunan yang baru, pembaikan tampalan dilakukan kepada semua tempat-tempat yang boleh mendatangkan karat yang berlebihan di atas kepingan-kepingan lantai dan atap. Dengan permukaan dalam dicat semula dengan penjaran semula kerja memaip, tangki itu telah diisi dengan air untuk memeriksa kedudukan asas permukaan bangunan itu.

Kerja selebihnya sekarang ialah tentukan yang tepat oleh XTD ke atas muatan tangki dan penutupan bahu lapisan tangki dengan pematipan campuran minyak pasir dan simen. Tangki ini dijangka akan dapat berkhidmat semula penghujung bulan ini. Tangki yang akan diperbaiki dan asas permukaan bangunannya dibina semula ialah tangki ke-3 dan dijadualkan akan bermula dalam bulan April.

Hubungan telekom dibaiki

SEBAGAI sebahagian dari projek untuk meninggikan mutu perkhidmatan telekomunikasi kepada pejabat-pejabat kita di Kuala Belait, sebuah talian gelombang mikro 60 saluran sedang dipasang untuk disambung melalui ibu sawat Panaga ke ibu sawat telefon Kuala Belait. Talian radio akan menggantikan kabel-kabel bawah tanah sebanyak 30 pasang yang sudah lama dan tidak dapat berfungsi dengan baik dan kesanggupan yang mencukupi bagi litaran-litaran data baru iaitu sejenis ibu sawat palang. Ini telah digantikan dengan suis

bilangan yang lebih moden.

Untuk menempatkan ibu sawat bilangan dan pangkalan gelombang mikro yang baru ini, sebuah bilik radio yang baru dilengkapi dengan sistem kawalan kebakaran telah dibuat di Singapura dan dipasang di kawasan letak kereta ECO di Kuala Belait. Bagi talian gelombang mikro, sebuah menara setinggi 150 kaki telah didirikan di sebelah bilik radio.

Projek ini telah diusahakan oleh EDE/43 dan dijangka siap dalam bulan April depan.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

BRUNEI DALAM KENANGAN



PESERTA yang mengisi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran minggu ini ialah Dayang Hj Maimunah Haji Boestaman, yang beralamat No. 43 Kampung Sungai Tilong, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh siarannya pada 26 Februari jam 4.00 petang.

TINGGAL beberapa hari sahaja lagi negara kita Brunei Darussalam akan memperingati kembali ulang tahun pertama Hari Kebangsaan Negara kita tanggal 23 Februari, 1985 ini. Maka di saat itulah ingatan dan kenangan kita tidak akan terlupa walau di mana jua peribumi Negara Brunei Darussalam ini berada.

Radio dalam arenanya yang lazim ke udara ini tidak akan tertinggal dalam membuat berbagai-bagai liputan di setiap upacara yang diselenggarakan yang berhubungan dengan sambutan Hari Kebangsaan itu.

Penerbit-penerbit radio akan merakamkan detik-detik yang bersejarah ini buat kenangan di masa-masa yang akan datang. Detik dan peristiwa

di tahun ini mungkin tidak akan serupa untuk di tahun hadapan. Begitu juga dengan sambutan perayaan di Hari Kebangsaan ini tidak akan serupa dari tahun ke setahun menurut perkembangan negara yang ada.

Begitulah putaran perkembangan negara kita seterusnya yang radio tetap berfungsi sebagai penghubung dan pemberitahu kepada masyarakat umum dan masyarakat setempat dalam mahupun di luar negeri. Tinggal lagi generasi kita yang ada di hari ini, mungkin besok tidak akan bersua lagi dengan apa yang mereka tuntutkan di saat ulang tahun pertama Hari Kebangsaan negara kita yang akan menjelma ini.

Lampu neon yang berkelip-an, nada suara yang mengikrarkan tanda setia wira

negara akan tetap bersemedi selagi putera watan kita seiring dan sejalan dalam seganap sudut perkembangan bangsa dan negaranya. Radio akan terus bersuara meskipun janya di mana, ia tetap seiring dan sejalan dalam menyuarakan perkembangan negara. Isu-isu negara merupakan pokok perbincangan utama radio buat tetapan pendengar.

Tinggi rendah, pahit manis maju jaya dalam putaran perkhidmatan radio untuk pendengar itu merupakan asam-garam yang sering wujud dan diperkatakan oleh pendengarnya sendiri. Itu adalah asam-garam radio yang tidak dapat terpisahkan darinya.

Jika tinggi nilai perancangan itu umpamanya, pendengar lantas mengatakan rancangan itu berjaya. Jika pahit

pahit manis suara juruhebah itu, dikatakan itulah yang selayaknya dicurung-curung radio. Entah apa lagi yang mahu dikatakan pendengar.

Namun demikian di saat detik memperingati kenangan Hari Kebangsaan negara yang bersejarah ini, radio tetap merekodkan Brunei Dalam Kenangan sebagai satu sejarah yang tetap dikenang meskipun tahun silih berganti.

Kepada pendengar dan peminat sejarah tanahair akan tidak membuang peluang yang amat berharga ini untuk merakamkan dan merekodkan apa jua bentuk ristaan, asalkan kenangan sejarah negara dan bangsa kita Negara Brunei Darussalam ini tetap kekal dalam aman, makmur, merdeka dan bahagia bersama aliran masa.



TETAMU undangan minggu ini menang tidak asing lagi kepada para peminat drama Radio dan TV Brunei. Beliau ialah Dy Maimon bte Abu Bakar (gambar). Ikutilah temubual Awg Hanifah Ali bersama beliau pada hari Ahad 24 Februari jam 4.30 petang. Ulangannya ke udara hari Rabu jam 2.00 petang.

Mutika 85

PERTANDINGAN Nyanyian "MUTIKA 1985" akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei. Kepada peminat-peminat dan pencinta seni suara di seluruh tanahair yang berhasrat untuk menyertai pertandingan ini mestilah berumur 19 tahun hingga 35 tahun.

Borang-borang penyertaan bolehlah didapati: —

Dacrah Brunei-Muara: Bahagian Penyambut Tetamu, Radio Televisyen Brunei, sewaktu pejabat dibuka.

Dacrah Tutong: Awg Jailani Muhammad, Pejabat Penerangan, Tutong.

Dacrah Belait: Haji Md Noor Yassin, Stesen Radio Televisyen Brunei, Kuala Belait.

Dacrah Temburong: Hj Siti Rahmah bte PDLR Haji Abu Bakar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Temburong, Temburong.

Borang-borang yang sudah lengkap diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat dari Isnin 4 Mac, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Kepada: Penerbit MUTIKA 1985 Tingkat 3, Bahagian Hiburan TV, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Sandiwar Radio:

TAKDIR

PENULIS Zainorin Isma, Negara Brunei Darussalam kali ini akan berpeluang mengisi ruangan Sandiwar Radio Minggu Ini dengan karyanya yang bertajuk "TAKDIR."

Zainorin menentangakan masalah yang timbul akibat dari penglibatan orang ketiga dalam sebuah rumah tangga. Suasana rumah tangga Anita dan Bahar yang belum lagi diserikan oleh sinaran cahaya mata, menjadi lebih tergugat keutuhannya dengan adanya ibu Anita yang terlalu banyak mencampuri hal mereka.

Kerana mereka sudah tiga tahun berumah tangga dan belum mempunyai anak, ibu Anita sangat gelisah dan membuat rancangannya sendiri untuk menjodohkan Anita dengan seorang pemuda pilihannya. Kerana hendak mencapai hasratnya untuk menimang cucu, ia tergagak menghasut Anita untuk menuntut cerai dari suaminya.

Walau bagaimanapun, kisah sayang Anita terhadap suaminya Bahar mengatasi segala kekusutan yang disebabkan oleh ibunya. Anita

tidak pernah menyembunyikan sesuatu dari pengetahuan suaminya. Ia menceritakan segala niat buruk ibunya terhadap rumah tangga mereka.

Untuk mententeramkan keadaan, mereka pun berusaha dengan cara menjalani pemeriksaan doktor yang kemudian mensahkan mereka tidak mandul. Selang beberapa lama, Anita pun merasakan perubahan pada dirinya. Doktor juga kemudiannya mengesahkan yang Anita mengandung. Tapi sayang, di saat-saat kegembiraannya, ada satu perkara yang tidak menyenangkan menimpa suaminya.

Apakah yang terjadi pada Bahar? Dengarkanlah kisah selanjutnya melalui siarannya pada 24 Februari, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Haji Mohd Taha.



SUDAH tiga minggu berturut-turut kita telah menyaksikan 22 orang peserta Peringkat Separuh Akhir ini. Maka dalam bahagian keempat, untuk mencapaikan bilangan 29 yang telah terpilih, maka kita tampilkan: —

1. Rosinah bte Sabli (Tutong)
2. Sandy Sumari bin Omar (Brunei-Muara)
3. Sharinah bte Sahari (Kuala Belait)
4. Saidatul Fauziah bte Tassim (Brunei-Muara)
5. Dk Widayanordi Pg Hj Tajuddin (Brunei-Muara)
6. Szazlina bte Arif (Kuala Belait)
7. Junaidi bin Hj Abas (Temburong).

Adakah penghakiman atau tekanan awda betul? Dalam rancangan ini jawapannya, akan diberikan mengikut keputusan hakim-hakim siapakah yang akan melayakkan diri ke Peringkat Akhir Bintang Kecil 85 pada 9 Mac, 1985 secara terus-menerus di kaca TV awda manakala pertandingan diadakan di Dewan Raya RTB nanti.

Jangan lupa di minggu hadapan, marilah kita sama-sama meninjau kembali peserta-peserta yang telah terpilih ke peringkat akhir dalam rancangan Preview Bintang Kecil '85.

RANCANGAN TVP DARI 25 HINGGA 27 FEBRUARI 1985

ISNIN — 25 FEBRUARI

PAGI

8.50 **SAINS UNTUK DARJAH 4** (Percambahan Biji Benih 1) Dalam rancangan ini murid-murid dapat melihat percambahan biji benih.

1. Percambahan tastanah
2. Percambahan lamtanah, dan

Percambahan tastanah ialah kotilid dibawa naik ke atas batang. Bagaimana pula dengan percambahan lamtanah? Adakah juga kotilid dan biji benih dibawa naik? Dengan menggunakan kamera khas kamu akan dapat melihat bagaimana percambahan-percambahan berlaku.

9.20 **LOOK, LISTEN AND SPEAK** (My Bedroom)

10.05 **MARI BERCEKITA** (Monyet Yang Tamak)

Cerita ini mengisahkan seekor monyet dan seekor kura-kura yang bersahabat baik telah menjumpai seponon pokok pisang yang hanyut. Kura-kura mencadangkan supaya mereka bersama-sama menanam pokok itu dan hasilnya nanti akan dibahagi sama rata, tetapi monyet tidak ber-setuju dengan cadangan kura-kura itu.

Mengapakah monyet menolak cadangan sahabatnya itu? Bagaimana dengan persahabatan mereka yang selama ini begitu rapat?

10.35 **SAINS UNTUK DARJAH 6** (Elektrik 1)

Dalam kehidupan kita sehari-hari, kita banyak menggunakan alat-alat perkakas yang memerlukan tenaga elektrik. Tenaga elektrik dapat kita bahagikan kepada dua bahagian:

1. Tenaga elektrik statik
2. Tenaga elektrik arus.

Dalam rancangan ini, murid-murid akan belajar berkenaan dengan tenaga elektrik statik.

SELASA — 26 FEBRUARI

PAGI

8.50 **SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4** (Percambahan Biji Benih 1)

9.20 **SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK** (My Bedroom)

10.05 **MARI BERCEKITA** (Kisah Dua Orang Pemburu)

Kisah dua orang yang bersahabat baik yang sedang pergi berburu ke dalam hutan. Mereka ber-

RABU — 27 FEBRUARI

PAGI

8.50 **SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4** (Percambahan Biji Benih 1)

9.20 **SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK** (My Bedroom)

10.05 **MARI BERCEKITA** (Tiong Dengan Musang)

10.35 **SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6** (Elektrik 1)

Resipi Minggu Ini:

OPOR IKAN BAWAL

BAHAN-BAHANNYA: —

- 2 ekor ikan bawal putih
- 2 cawan santan pekat
- 1 tin kacang pes hijau
- 4 tahl biji gajus kisar
- 1 sudu jintan putih
- 1 sudu jintan manis
- 2 biji bawang besar
- 2 biji bawang putih
- 1 batang halia muda
- 4 batang serai dititik
- 2 biji limau nipis
- 1 sudu makan lada putih
- 2 sudu makan minyak sapi
- 1 kati ubi kentang digoreng
- 1 ikat daun sadri
- 5 biji lada hidup hijau
- 5 biji buah tomato
- 2 biji timun muda
- sedikit gula pasir, garam, serbuk perasa, serta minyak untuk menggoreng.

CARA-CARA

MEMBUATNYA: —

Ikan dibersihkan biarkan seekor-seekor perap dengan garam dan sedikit asam limau lalu digoreng setengah goreng.

Panaskan minyak sapi tumiskan bahan-bahan tumis sehingga berbau wangi sesudah itu masukkan bahan-bahan kisar kacau sampai keluar minyak masukkan air santan, air limau, gula, serbuk perasa, garam dan serai dititik serta biji gajus kisar, bila pekat airnya masukkan ikan yang sudah digoreng taburkan dengan kacang pes, tomato hiris dan lada hiris. Angkat hasilah dengan daun sadri dan timun utam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI KERANI JURUBAHASA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai KERANI/JURUBAHASA di Jabatan Kehakiman, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1645 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman: Pemohon-pemohon mestilah lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Am Brunei Cambridge di Peringkat Biasa, atau yang sebanding dengannya sekurang-kurangnya dalam tiga mata pelajaran yang mana salah satu daripadanya ialah Bahasa Inggeris. Selain daripada itu, calon-calon Bangsa China mestilah fasih dalam Bahasa Mandarin dan dua

logat China yang lain; sementara calon-calon Bangsa Melayu mestilah fasih dalam Bahasa Melayu dan dua loghat tempatan.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontinuiti selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tangkapan percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksi pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei

Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 28 Februari, 1985.

(Bilangan iklan: 10/1985) (E/108/73).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

BILANGAN 2/1985

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, di Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Kewangan Negara, Tingkat 4, di Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin jam 12.00 tengah hari 25 Mac, 1985 untuk membekal: —

5 UNIT RAGI KEM KAJIPURBA UKURAN BUKA 18" 6" x PANJANG 27" 4" TINGGI 9" 0"

2. Butir-butir atau penerangan-penerangan lebih lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium Negara Brunei

Darussalam pada bila-bila masa waktu dibuka.

3. Wang cagaran mengenai perkara ini hendaklah diposkan sebanyak \$200.00 (dua ratus ringgit) ke Bahagian Kewangan, Jabatan Muzium, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja biasa tidak lewat dari jam 3.00 petang.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa yang tertutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dituliskan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran.

Sebagai Teknik Kanan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TEKNIK KANAN di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C.2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Pengalaman sekurang-kurangnya selama 10 tahun dalam bidang kerjaya Telekom dalam salah satu daripada tugas-tugas yang tersebut di bawah ini:

- Penanaman dan penyambungan kabel
- Pembinaan dan pemeliharaan "Overhead"
- Pemasangan dan pemeliharaan alat-alat kelengkapan penggunaan
- Pemeliharaan alat RAX; ATAU

b) Jika pengalaman dalam kerjaya Telekom yang tersebut di atas itu kurang daripada 10 tahun, calon-

calon mestilah mempunyai kelulusan Sijil City & Guilds dalam bidang yang berkenaan dengan Telekom dan mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam penyediaan kakitangan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sikit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 13 Mac, 1985.

(Bilangan iklan: 20/1985) (E/1023/76).

Sebagai Pembantu Teknik Kanan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU TEKNIK KANAN di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C.2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Berumur tidak lebih dari 48 tahun.

b) Mempunyai City and Guild Full Technological Certificate in Electrical Power Engineering atau TEC Higher Certificate dalam Electronic/Kejuruteraan Perhubungan atau yang sebanding dengannya.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai mana-mana kelayakan akademik seperti yang disebutkan di (b) tetapi mempunyai pengalaman minima selama 5 tahun dalam jawatan Juruteknik Pemeliharaan Ren-

dah atau yang sebanding dengannya dan boleh memperolehi kemahiran dalam pengkajian-pengkajian di peringkat lebih tinggi juga boleh dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sikit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup: 28 Februari, 1985.

(Bilangan iklan: 9/1985) (E/252/84).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang telah berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: KB 18 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMOTONG RUMPUT DI SEPANJANG JALAN KUALA BELAIT DAN SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 11 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 19 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMOTONG RUMPUT DI SEPANJANG JALAN SUNGAI LIANG, BUKIT PUAN, LABI DAN RAMPAYOH."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 11 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 20 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: "CADANGAN MEMBUAT 7-0" CHAIN LINK FENCE DENGAN BARBED WIRE SERTA 16-0" PINTU UNTUK PLANT DAN BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA KAWASAN SUNGAI LIANG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Mac, 1985.

Tarikh tutup: 11 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$100.00.

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: 43 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan pembekal untuk:

PROJEK No.: 34AW/045

MEMBEKAL SATU (1) UNIT "SEWER JETTING" DAN TANGKI HANPA UDARA (VACUUM TANKER) MUATAN 1000 GALON YANG BERPASANG TERUS KE TRUCK (TRUCK MOUNTED).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Februari, 1985.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1985.

BIL: 44 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR420/0108

PEMBINAAN CADANGAN PETI KALBAT KEMBAR MENYEBERANG JALAN PANTAI, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 Februari, 1985.

Tarikh tutup: 4 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 45 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 35AR/00500

KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT DI SEPANJANG JALAN-JALAN UTAMA DI DALAM KAWASAN DAERAH BRUNEI MUARA DAN TUTONG BAGI TEMPOH DUA TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28 Februari, 1985.

Tarikh tutup: 4 Mac, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: 46 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900

MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR FLAT PUSAT TINGKATAN ENAM, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Februari, 1985.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI JABATAN KEHUTANAN

SEBAGAI PENOLONG PEGAWAI TERAFIK TELEKOM

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikutan Jabatan Kehutanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Calon-calon mestilah berumur antara 18 tahun hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.
b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyeleenggaraan Stor boleh juga dipertimbangkan.

Am :
Pemohon yang berjaya akan bertugas di Jabatan Kehutanan di Sungai Liang, Rumah dan kenderaan tidak disediakan.

2. PEMANDU TINGKAT KHAS :

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya 10 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosak-

an-kerosakan kecil.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am :
Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertugas di Jabatan Kehutanan di Sungai Liang, Rumah dan kenderaan tidak disediakan.

3. PEMANDU KERETA :

Tanggagaji : F.3-4 EB.5 — \$550-\$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

Am :
Pemohon-pemohon yang berjaya akan ditugaskan di Balai Pemeriksaan Barang-Barang Hutan di Sungai Liang, Rumah dan kenderaan tidak disediakan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 14 Mac, 1985.
(Bilangan iklan : 12/1985)
(E/461/80).

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 1 April 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah mengemukakan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhususkan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

BIL : PROC/T/64/85
MEMBEKAL :
TARGET SHIP.
Cagaran : \$500.00.

BIL : PROC/T/65/85
MEMBEKAL :
PLASTIC TARGET.
Cagaran : \$500.00.

BIL : PROC/T/66/85
MEMBEKAL :
MOTOROLA FLEXAR.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/67/85
MEMBEKAL :
HYDRAULIC HOSE.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/68/85
MEMBEKAL :
COMPASS PRISMATIC.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/69/85
MEMBEKAL :
WHEEL C/W TYRES.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/70/85
MEMBEKAL :
JERRICAN PETROL.
Cagaran : \$100.00.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PEGAWAI TERAFIK TELEKOM di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Di Unit Perancang Ekonomi

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikutan di Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENJADUAL :

Tanggagaji : C.3 EB.4 — \$1990-\$2620 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Sekurang-kurangnya mempunyai Higher National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadual (programming) bagi tempoh yang tidak kurang 2 tahun akademik dan pengalaman bekerja/pemencapaian adalah satu kelebihan.

ATAU
b) Mempunyai Ordinary National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (Programming) bagi tempoh tidak kurang dalam satu tahun akademik dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 4 tahun di satu syarikat/perbadanan dalam penjadualan (Programming) dan penggunaan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TP dan RPG II.

ATAU
c) Lulus sekurang-kurangnya G.C.E. 'O' level dalam 2 mata pelajaran dan mempunyai pengalaman menjadual (Programming) sekurang-kurangnya 6 tahun dan pandai menggunakan bahasa komputer COBOL, IDMS TME-TP dan RPG II.

Tugas-Tugas :
Untuk membuat penjadualan (Programming) dan juga untuk menganalisa sistem dalam beberapa segi perkembangan sistem.

2) PENOLONG PENJADUAL :

Tanggagaji : C.1 EB.2 — \$1280-\$1930 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Sekurang-kurangnya mempunyai 2 'A' level dan 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (Programming).

ATAU
b) Mempunyai Ordinary National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh tidak kurang satu tahun akademik dan mempunyai 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Penjadual.

ATAU
c) Sekurang-kurangnya mempunyai 4 'O' level dan 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming) juga akan dipertimbangkan.

d) Pengalaman dalam bahasa komputer COBOL dan RPG II akan diberi keutamaan.

Tugas-tugas : Untuk membantu penjadual dalam membuat Program (Jadual).

3) KERANI PERANGKAIAN :

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah lulus 'Brunei Cambridge' G.C.E. Peringkat 'B' dengan syarat lulus dalam Ilmu Hisab, atau lulus 4 mata pelajaran termasuk Ilmu Hisab Peringkat 'B' G.C.E.

ATAU
b) Lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran peringkat biasa dalam Brunei Cambridge dan mempunyai pengalaman bekerja sebagai Kerani Perangkaan Sementara atau bergaji hari.

ATAU
c) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan seperti di (a) dan (b) tetapi mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja perangkaan boleh juga dipertimbangkan.

d) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perangkaan seperti yang berkaitan dengan Custom Declaration Form/atau pernah mengambil bahagian dalam projek-projek perangkaan seperti banci penduduk dan perumahan ataupun lain-lain pengkajian.

e) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasihnya.

Tugas-tugas :
Untuk bekerja di bawah kerani Penelitian/Pegawai Perangkaan Rendah dalam mengumpul dan mengumpulkan perangkaan-perangkaan sama ada dari rekod-rekod pentadbiran dan temuduga-temuduga.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 16 Mac, 1985.
(Bilangan : 16/1985)
(E233/82)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.
Kelayakan dan Pengalaman :
Hendaklah mempunyai salah satu :

a) Lulus Peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E. Peringkat 'O' atau yang sebanding dengan memperoleh kepujian dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

ATAU
b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan kepujian dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan tiga tahun dalam Perkhidmatan Kerajaan.

ATAU
c) Mempunyai minima lima tahun perkhidmatan dalam Perkhidmatan Kerajaan dengan sekurang-kurangnya dua tahun mengendalik tugas-tugas Teratik Telekom.

Seseorang pegawai yang

sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati dari Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Mac, 1985.
(Bilangan iklan : 26/1985)
(E/1851/76).

Sebagai Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT II di Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F.3-4 EB.5 — \$550-\$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas XI (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am :
Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati dari Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 14 Mac, 1985.
(Bilangan iklan : 17/1985)
(E/698/84).

Sebagai Penolong Warden

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG WARDEN di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : D.2 EB.3 — \$650-\$1125 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman :
a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Peringkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kebolehan bertutur lebih dari satu bahasa/loghat selain daripada Bahasa Melayu.

c) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan akademik di atas juga akan dipertimbangkan jika mempunyai pengalaman-pengalaman di bidang pengawasan asrama/asrama serta aktiviti-aktivitinya.

d) Jawatan ini terbuka kepada pemohon lelaki dan wanita yang berumur antara 30 hingga 40 tahun.

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati dari Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 14 Mac, 1985.
(Bilangan iklan : 21/1985)
(E/347/81).

PERLETAKAN BATU ASAS JEJAMBAT

GADONG. — Upacara meletakkan batu asas jejambatan rangkaian jalan-jalan utama atau 'major arterial road' berlangsung pagi Khamis, 14 Februari lalu di projek pembinaan jejambatan tersebut di sini.

Perletakan batu asas itu telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, dan kemudiannya diikuti oleh Setiausaha Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan.

Jejambatan yang menyeberangi Sungai Gadong dan Jalan Gadong di sini adalah yang terpanjang antara tiga jejambatan yang terlibat dalam pembinaan rangkaian jalan-jalan utama dari Batu 1 Jalan Tutong hingga jalan penghubung ke Lapangan Terbang Antarabangsa di Berakas.

Dengan panjangnya 522 meter, jejambatan tersebut akan mempunyai ramp turun naik dan akan memberi

kemudahan lalulintas kepada Jalan Gadong dan kawasan perniagaan di sini.

Setiausaha Tetap II di Kementerian Pembangunan Dr. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, merangkap Pengarah Kerja Raya berkata, bahawa pembinaan rangkaian jalan utama itu adalah sebagai satu langkah menyediakan sistem jalan raya yang lebih efisien di dalam dan di sekeliling Ibu Negara.

Ianya juga telah melibatkan kerja penggalian kira-kira 740,000 cu meter tanah dan penimbunan tanah kira-kira 350,000 meter. Pembinaan projek tersebut telah dilaksanakan oleh joint-venture antara Korean Ship-building and Engineering Corporation — KSEC dan Ocean Quarry, sementara kerja-kerja sub-kontrakornya telah dibahagikan kepada beberapa syarikat pemborong bumiputera di negara ini.



MENTERI Pembangunan, Y.D.M. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman ketika menyempurnakan perletakan batu asas tersebut.

LAWATAN MENTERI KESIHATAN R. INDONESIA

BERAKAS. — Menteri Kesihatan Republik Indonesia Tuan Yang Terutama Dr. Suwardjono Surjaningrat dan isteri serta empat ahli rombongan tiba di negara ini pada hari Isnin lepas bagi lawatan rasmi empat hari.

Ketibaan Tuan Yang

Terutama dan rombongan di alu-alukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas di sini oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz

dan pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Sejurus selepas itu, Tuan Yang Terutama dan ahli-ahli rombongan telah melakukan kunjungan muhibah kepada Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, diiringi oleh Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Awang Zuwir Djamil. Ahli-ahli rombongan dalam kunjungan itu ialah Direktur Jenderal Pelayanan Kesihatan Department Kesihatan, Dr. M. Isa; Sekretaris Eksekutif Konsortium Ilmu Kesihatan Department Pendidikan dan Kebudayaan, Prof Dr. D. Ma'riffin Husin; Kepala Bahagian Tata Usaha Pemimpin Department Kesihatan, Dr. Rachmi Untoro; dan Pembantu Peribadi Menteri Kesihatan, H.M.I. Setiabudi.

Majlis itu juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Pameran filem

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena memperingati Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang pertama dua pameran akan diadakan di ibu negara.

Pameran gambar-gambar, filem-filem dan video akan diadakan pada hari Jumaat 22 Februari di Dewan Tengah Muzium, Jalan Kota Batu. Pameran tersebut dijangka akan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya. Pameran itu

akan dibuka untuk kunjungan orang ramai selama satu bulan mulai dari hari perasmian.

Satu lagi pameran ialah pameran Al-Quran, kaligrafi Islam dan keris akan diadakan di Bubungan 12 pada 23 Februari hingga 5 Mac depan. Pameran tersebut dijangka akan dirasmikan oleh YDM Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd Rahman bin P.O.K. Shahbandar Haji Awang Mohd Taha.

PESERTA KURSUS TERIMA SIJIL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian sijil bagi 24 orang pegawai dari 24 buah jabatan kerajaan yang telah menghadiri Kursus Pentadbiran dan Pengelolaan Latihan selama dua puluh hari telah berlangsung di sebuah restoran terkemuka di sini malam Rabu lepas. Kursus anjuran Unit Latihan,

Jabatan Perjawatan yang diselenggarakan oleh pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Latihan, Crown Agent, United Kingdom bermula dari 21 Januari hingga 9 Februari 1985.

Majlis malam itu dimulakan dengan ucapan dari wakil peserta Awang Baharuddin bin Dato Talib. Ianya diikuti dengan ucapan Ketua Unit Latihan, Jabatan Perjawatan, Awang Jali bin Abd Rahman yang antara lain mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan yang telah menolong menjayakan majlis tersebut. Sijil-sijil dan kertas-kertas rumusan telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perjawatan, Awang Mohd Hassan bin Haji Mohd Yusof.

Antara yang hadir di Majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais dan juga beberapa orang ketua-ketua jabatan yang berkenaan.

PERSIDANGAN KHAS MENLU ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Persidangan Khas Menteri-Menteri Luar ASEAN diadakan pada 11-12 Februari 1985 di Bangkok bagi membincangkan perkembangan terbaru di Kampuchea.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri

Undang-Undang dan Perhubungan.

Terdahulu dari itu pegawai-pegawai kanan ASEAN telah mengadakan Mesyuarat di Bangkok bagi membincangkan Soal Kampuchea. Rombongan pegawai-pegawai kanan dari Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Haji Zakaria bin Dato Mahawangsah Haji Sulaiman.

Negara-Negara ASEAN telah pun mengemukakan tindakan tentera-tentera Vietnam di Kampuchea yang telah mengakibatkan beribu-ribu orang pelarian masuk ke Thailand. Negara-Negara ASEAN juga mengemukakan tindakan Tentera Vietnam yang menceroboh masuk ke sempadan Thailand, dan menyeru supaya Vietnam menghentikan perbuatannya agar keselamatan di rantau itu tidak terganggu.

RALAT

DALAM berita di bawah tajuk 'Brunei sertai Pameran ASEAN ke-4 di Singapura' yang disiarkan di muka 4 keluaran minggu lalu, Pengiran Hashim bin Pengiran Jaidi disebut sebagai Timbalan Pengarah Muzium-Muzium.

Yang sebenarnya Pg Hashim ialah Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium. — Penyunting.

DEWAN PERNIAGAAN TIONGHUA ANJUR MINGGU BAHASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Perniagaan Tionghua Brunei akan mengadakan Kempen Minggu Bahasa kali ketiga mulai 25 Februari depan selama seminggu.

Perasmian akan dilakukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya di Dewan Darussalam. Sekolah Menengah Chung Hua di sini.

Menurut Yang Dimulikan Pehin Kapitan China Kornia Di Raja Awang Lim Teck Ho, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Tionghua Selaku pengerusi kempen minggu bahasa pelbagai acara seperti meletakkan cangkata dan poster, peraduan syarahan, peraduan bahasa, kuiz dan peraduan mengarang dalam Bahasa Melayu akan

diadakan sepanjang minggu itu.

Tarian Kebudayaan Brunei an lukisan mengenai pemandangan tempatan akan juga dipersembahkan yang terbuka kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah serta orang-orang dewasa bukan Melayu bagi membolehkan semua masyarakat Tionghua mengambil bahagian dalam acara-acara berkenaan.

"Kami menyeru masyarakat Tionghua akan memberikan bantuan dan sokongan dalam kempen ini dan mengambil bahagian dalam pelbagai peraduan yang diadakan. Kehadiran mereka di acara-acara yang diadakan diharap akan menambah kesedaran kenegaraan dan besar artinya di segi sejarah," jelas Yang Dimulikan Pehin.

Menurutnya lagi, sesebuah negara yang kuat adalah ber-

dasarkan kemakmuran dan perpaduan rakyat dan penduduknya dan Bahasa Melayu adalah bahasa yang menyatupadukan rakyat di negara ini.

Kempen tahun ini bertepatan "Bahasa Membawa Kepada Perpaduan Bernegara."

Di samping itu, seluruh rakyat diseru untuk mengibarkan bendera selama tiga hari dan bercucuk di waktu malam. Ini adalah satu jangka waktu kerana jawatankuasa sambutan tidak mahu sambutan ini berterusan dari sebulan ke sebulan.

Satu persembahan padang dan tayangan flip kad akan diadakan di Stadium Negara.

Walau bagaimanapun

KETIBAAN Tuan Yang Terutama Dr. Suwardjono Surjaningrat, Menteri Kesihatan Republik Indonesia dialu-alukan oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam — gambar oleh Haji Sharbin Taha.

PENGARAH PENERANGAN MENULIS MERISTAKAN.....



YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang
Haji Badaruddin.

1. DUA UPACARA

SUDAH takdir Allah menjadikan kemerdekaan negara kita setahun yang lalu itu disambut dalam dua upacara. Upacara Pemasyhuran pada 31 Disember 1983 dan upacara Hari Kebangsaan pada 23 Februari 1984.

Setakat yang dapat diingat, konsep 'Hari Kebangsaan' itu sedikit pun tidak terlintas dalam mesyuarat petama Jawatankuasa Kerja Bagi Menyambut Kemerdekaan pada 3 Mei 1981 di Mess Pegawai Polis, Gadong. Dari awal itu lagi perhatian lebih banyak diberi supaya upacara sambutan kemerdekaan itu merupakan satu 'proclamation'. Lalu penentuan saatnya telah dibincang dengan panjang lebar di samping tempat dan acaranya.

Tidak ada bayangan – apalagi sebutan mengenai Hari Kebangsaan waktu itu dan hatta pada mesyuarat kedua Jawatankuasa pada 25 November tahun 1981 itu. Pemikiran yang ada ialah kemerdekaan akan disambut dengan upacara memasyhurnya dan diikuti kemudian dengan suatu Perhimpunan Agung.

Ya! Mengingat hal ini betapa benar ilmu kita magusia sangat terbatas berbanding dengan ilmu Allah Taala. Fikirlah, se-hinggakan apa yang kita akan lakukan kemudian tidak kita ketahui. Tiba-tiba saja kita ditentukan untuk melakukannya dan akhirnya menyaksikan atau mengalaminya.

2. "PROCLAMATION"

Pemikiran mengenai 'proclamation' dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Kerja pada bulan Mac 1981 itu kemudiannya seolah-olah ditenggelami oleh berbagai kesibukan persiapan Hari Kebangsaan.

Dalam satu perjumpaan menghalusi susunan acara Majlis Permaryhuran Kemerdekaan tiba-tiba saja ditimbulkan: Apa halnya watahik pemasyhuran?

Watahik itu bukan 'ucapan' biasa yang mudah dirangai-rangai. Ia suatu dokumen yang mesti berasaskan fakta-fakta yang benar sambil mengandungi azam politik dan disusun dengan kata-kata menurut teknik undang-undang.

Maha adil Allah Taala!



Kita menyambut kemerdekaan dengan mengucap syukur kepada Allah secara bersembahyang dan membaca Surah Yassin di masjid-masjid seluruh negara.

".....Saya dapat merasai nyala bara perasaan orang ramai"

Diluruskan dan dimudahkannya segala urusan. Lalu dalam tempoh yang singkat kandungan watahik telah dirumuskan dan disusun di peringkat tinggi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankannya dengan sedikit tambahan untuk Baginda titahkan.

Rasa-rasanya, betapa pun terharunya orang yang mendengar dan mengikuti ia dititahkan menjelang 1 Januari 1984 itu namun tidaklah sama keterharuan orang-orang yang sempat mengetahui bagaimana ia telah dirumuskan begitu rupa.

Allah mengetahui dan malaikat jadi saksi!

3. SURAH YASSIN

Lebih sedikit sebulan sebelum tarikh memasyhurkan kemerdekaan, saya telah menghadiri Persidangan Ulama Asia Tenggara di Ibu Negara Malaysia. Di sana sempatlah saya bertemu dengan ramai kawan-kawan lama sewaktu menuntut di Kolej Islam dan di Al-Azhar dahulu.

Dalam perbualan di luar masa persidangan, saya banyak menjawab pertanyaan-pertanyaan mengenai kemerdekaan yang akan kita capai waktu itu: jangkaan-jangkaan terhadapannya. Ada ketikanya saya sengahja 'merengankan' perbualan dengan menyatakan yang di Brunei waktu itu sedang sibuk mencetak lebih lima puluh ribu naskah Surah Yasin.

Mendengar hal itu mereka seperti hairan. Ada yang seolah-olah menjangka saya cuma bergurau.

Tetapi kemudian mereka ternyata kagum apabila saya beritahu yang kita akan menyambut kemerdekaan bermula dengan perhimpunan di seluruh masjid; berjemaah sembahyang Maghrib dan Isyak, sembahyang hajat, membaca Surah Yasin dan mengaminkan doa kemerdekaan.

Dan lebih mengagumkan mereka lagi bila diberitahu yang pemasyhuran kemerdekaan tidak akan disambut dengan pekikan 'merdeka' tetapi dengan melafaskan 'Allahu Akbar' tiga kali!

Dari peringkat permulaan lagi kita memang telah menetapkan bahawa kemerdekaan itu akan disambut dengan khushuk dan tawadhu' kepada Allah Subhanahu Wataala. Tetapi tidaklah orang menduga yang kita akan merancang suatu upacara sedemikian yang kemudiannya ternyata amat gemilang dan significant.

Di antara orang yang tidak menduganya itu termasuklah dari kalangan ilmuwan Islam sendiri.

Betullah sebagaimana perkhawaran Allah Subhanahu Wataala bahawa bagi sesuatu umat itu ada masing-masing cara, dan cara 'keislaman' adalah yang sebaik-baiknya.

Tentu saja kita telah dan akan sentiasa memilih cara yang baik itu!

4. TAKUTKAN 'MERDEKA'?

Mengapa tidak memekikkan "Merdeka"?
Mengapa pula "Allahu Akbar"?

Begitu bertalu-talu soalan 'tohmah' diterima setelah orang ramai mengetahui aturcara penuh Pemasyhuran Kemerdekaan. Di Jabatan Penerangan sendiri, pegawai pegawai berkenaan kelihatan seolah-olah tidak berpuas lagi menangkis anggapan dan sangkaan keliru dari setegai setengah orang ramai berikutan ketidapan pekikan merdeka dalam upacara penting menandakan pencapaian kemerdekaan itu. Ada orang yang menghubungi saya terutamanya membuat 'remark':

"Mahu menyembunyikan kenyataankah?"

"Takutkan 'merdeka' kah?"

Waktu itu cuma tinggal beberapa hari saja lagi tarikh pemasyhuran. Kami baru saja mengedarkan berpuas-puas risalah mengenai upacara yang akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin itu. Saya waktu itu sangat bimbang. Banyak hal yang merisaukan, bukan sekadar itu.

Saya tahu kami di Jabatan Penerangan masih banyak modal untuk menolak tohmah-tohmah itu. Tetapi se harus berhati-hati. Perhitungan mestilah dibuat menentukan reaksi, majoriti orang ramai tidak akan turut serta membuat tohmah-tohmah itu.

Setelah agak tenang kemudian, dan kebetulan pihak radio berhajat menemuramah saya mengenai setengah-setengah aturcara maka saya telah menggunakan kesempatan itu untuk menjelaskan rasional pemilihan kalamat 'Allahu Akbar' dan bukan perkataan 'Merdeka' yang perkataan tersebut sudah lumrah digunakan yang jika kita memilih seolah-olah memilih 'bagas-bagas' orang. Padahal kalamat 'Allahu Akbar' ada umiknya dan berkatanya.

Begitulah. Rasional yang dikemukakan itu ialah rasional keagamaan, lebih dari cuma rasional politik. Nyatanya masuk akal dan meyakinkan!

5. ANDAINYA SUNYI SEPI...

Saya benar-benar risaukan jika berlaku perubahan sikap orang ramai di saat-saat akhir menjelang hari pemasyhuran.

Kemerdekaan kita itu banyak mata yang mengintainya dan ada hati yang rawan kerananya.

Andainya masjid tempat acara keagamaan sambutan berlangsung. Andainya Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin tempat upacara memasyhurnya akan menyaksikan kehadiran para jemputan. Andainya di andainya: tanpa penyertaan rakyat jelata, maka tentulah kemerdekaan itu akan lain ceritanya.

Dalam risau itu saya selalu mengingat betapa usaha telah dibuat membangkitkan kemarahan (bukan mesti keghairahan!) hati orang ramai untuk menyedari ertik kemerdekaan dan kesannya ke atas masa depan semesta. Betul. Selama tidak kurang tiga tahun dalam gerak penerangan saya dapat merasai 'nyala bara' hati nurani orang ramai yang akhirnya melahirkan respond yang sangat menggalakkan.

Respond sedemikian itulah yang saya risaukan jika tiba-tiba berubah di saat-saat akhir.

Apa lagi ada pula khabar mengatakan orang ramai takut-takutan. Ada yang sampai menyimpan bekal makanan secara luar biasa.

Sungguh khurafat!

Tapi adalah bukan khurafat betapa risau itu di hinggakan sentiasa mengingat Allah. Usaha telah dibuat Terserahlah kepada kehendak takdir Allah.

Dan ternyata benar.

Siapa yang berduyun-duyun menuju ke Masjid-masjid dengan semangat mengingati Allah. Usaha telah dibuat Terserahlah kepada kehendak takdir Allah.

Mereka itu juga, dan disertai lagi oleh ribuan rakyat dari seluruh pelusuk tanahair telah membangun Taman dalam lebat hutan.

Siapa mereka kalau bukan rakyat, yang hatinya terkilu kerana semangat muhibahnya, dan yang sikapnya luwes kerana semangat kebajikannya.

Dari Muka 5

ingin meyakinkan bahawa 'approach' kami terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu adalah suatu yang realistik. Kami tidak menganggap tujuan dan matlamat Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai konsep yang abstrak semata-mata. Sebagai sebuah negara yang kecil dan kaya dengan pengalaman, kami sesungguhnya menghargai kesan moral dan undang-undang prinsip ini dan akan sentiasa berusaha untuk mencapai kata sepakat antara kedua-dua prinsip ini dan corak kami mengendalikan hal-hal dunia."

Keberangkatan Baginda Sultan ke New York ialah bagi mengetahui rombongan Brunei Darussalam dalam mana Brunei Darussalam telah diterima secara sebulat suara menjadi anggota ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perwakilan-perwakilan dari rantau dunia rata-rata membayangkan kekaguman terhadap cara dan kebijaksanaan Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam mengatur langkah-langkah pencapaian kemerdekaan itu sehingga Brunei Darussalam berjalan lancar dengan menganggotai ASEAN, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Komanwel seterusnya diterima sebulat suara menjadi anggota PBB yang ke-159. Suatu kebijaksanaan berpolitik yang dikagumi oleh masyarakat dunia. Dan perwakilan-perwakilan dari United Kingdom, rantau ASEAN, negara-negara Asia, negara-negara Afrika, negara-negara Latin Amerika, negara-negara Caribbean, negara-negara Eropah Barat, negara-negara Scandinavian, negara-negara Arab, negara-negara Eropah Timur dan negara-negara Arab, negara-negara Eropah Timur dan negara Amerika Syarikat begitu menaruh harapan yang positif dan membina terhadap Brunei Darussalam dalam memikul dan memelihara bersama tanggungjawab antarabangsa terhadap kemantapan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Baginda Sultan antara lain bertitah: "Perwakilan Beta menyadari terdapat begitu banyak pendapat yang mengatakan bahawa Bangsa-Bangsa Bersatu tidak wujud sebagaimana yang diharapkan oleh para anggotanya dan ada pula yang menganggapnya sebagai sebuah badan yang tidak berfaedah. Kami percaya ini bukanlah kerana terdapat kesilapan dalam matlamat Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami yakin untuk membolehkan Bangsa-Bangsa Bersatu berjalan dengan berkesan adalah bergantung kepada para anggotanya. Ianya hanya dapat berjalan dengan berkesan mengikut kepayaan negara-negara anggota. Bagi kami negara-negara yang kecil, kami memerlukan Bangsa-Bangsa Bersatu lebih daripada negara-negara lain. Tetapi kenyataan ini tidak menunjukkan bahawa perwakilan kami tidak akan membuat sebarang kritikan. Bila berbangkit keadaan itu kami akan mengkritik, tetapi kami tidak akan berbahasa kasar ataupun tanpa sebarang matlamat."

Sewaktu di New York, Baginda telah berkenan mengurniakan derma sebanyak US\$1 juta (kira-kira \$2 juta Brunei) untuk Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Children Fund - UNICEF) dan mengurniakan sejumlah derma kewangan



Keberangkatan keluar negeri eratkan hubungan persahabatan

kepada dua buah pertubuhan yang lain.

Khutbah Jumaat yang dibacakan di Masjid Omar Ali Saifuddin pada 28 September 1984 mensifatkan Titah di PBB itu sungguh hebat. "Semua lidah berkata dan hati merasa, bahawa titah itu sungguh hebat, hebat dari segi keazaman yang berterang untuk membawa negara ini membangun berdasarkan prinsip-prinsip keimanan yang turun-temurun, prinsip Islam: Islam yang telah menjadi anutan, menjadi pegangan, menjadi cara hidup, menjadi sumber ilham dan pemikiran kita, menjadi panduan dan dasar negara."

Khutbah itu juga menyatakan bahawa Islam jarang sekali dibawa ke tengah terutama ke arena antarabangsa nonon untuk menyebut Islam terasa malu, dianggap kolot, dianggap tidak maju, tidak standard kerana takutkan kesan yang tidak baik kononnya hingga, "ramai orang Islam yang sampai membuang Islamnya apabila berhadapan dengan dunia antarabangsa, ramai orang Islam yang menapak Islamnya apabila berada di khalayak masyarakat antarabangsa dan ramai orang Islam yang tersurung menghalalkan yang haram semata-mata kerana tidak melayani tradisi-tradisi antarabangsa tetapi kita yakin, semua ini nampaknya tidak akan berlaku kepada kita, insya Allah."

KEBERANGKATAN KE INDONESIA

Keberangkatan lawatan kenegaraan Kebawah D.Y.M.M. Pa-

duka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ke Republik Indonesia bermula pada 22 hingga 25 Oktober 1984 yang juga disertai oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikiah, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolikiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan, Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan serta lain-lain kerabat Diraja.

Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan telah berkenan mengurniakan Bintang Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati kepada Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto manakala Bapak Presiden Republik Indonesia itu pula telah menyembahkan ke hadapan Majlis Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan Bintang Republik Indonesia Adipurna, dan bagi Kebawah D.Y.M.M. Baginda Raja Isteri pula ialah Bintang Mahaputra Adipurna.

Di Makam Pahlawan Kalibata, Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan telah berkenan meletakkan karangan bunga di samping berkenan meninjau ke daerah Yogyakarta serta Akademi Angkatan Bersenjata Republik Indonesia di Magelang.

Dalam suasana kemuhibahan persahabatan, kedua pemimpin

RISTAN O SETAHUN MERDEKA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melafazkan titah di Majlis Jamuan Negara bagi meraikan keberangkatan Baginda ke Jepun. Duduk di sebelah kanan ialah Maharaja Hirohito (atas). Gambar kiri pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan dengan diiringi oleh TYT Presiden Chun Doo Hwan ketika memeriksa barisan kehormatan dalam lawatan Baginda ke Republik Korea.

negara telah mengadakan perundingan mengenai berbagai masalah baik mengenai masalah bilateral, serantau, mahupun antarabangsa serta berbagai masalah yang bersangkutan dengan usaha memulihkan perdamaian dunia, menegakkan keadilan dan memperjuangkan kepentingan negara-negara yang sedang membangun.

Kedua pemimpin berpuas hati berhubung dengan eratnya persahabatan yang telah dijalin di antara kedua bangsa dan negara yang memiliki latar belakang tradisi, sejarah dan kebudayaan yang sama serta kedua pemimpin menyatakan persetujuan agar kerjasama yang sedia terjalin akan dikembangkan serta ditingkatkan di masa akan datang semata-mata jua demi faedah kedua belah pihak. Kerjasama itu dapat diperluaskan dalam bidang ekonomi, sosial serta budaya di samping Presiden Soeharto menyatakan dukungan sepenuhnya atas penyertaan warganegara dan perusahaan Indonesia dalam usaha pembangunan Negara Brunei Darussalam seperti dalam pembinaan, pertanian dan sosial budaya khususnya di sektor tenaga kerja, pendidikan dan kerjasama teknik.

Melalui saluran-saluran pelaksanaan ekonomi dan perdagangan dari kedua buah negara, kemungkinan-kemungkinan peningkatan hubungan bilateral dalam bidang-bidang ini perlu diteroka. Dalam bidang budaya pula adalah difikirkan perlu dipertingkatkan pertukaran kunjungan di peringkat pemimpin terutama dalam bidang kesenian, kesihatan, pendidikan dan sukan.

Mengenai isu-isu antarabangsa kedua pemimpin telah membincangkan serta bersepakat dalam komunikasi bersama:

Perlu ditidakan sumber ketegangan yang sudah ada serta dicegah timbulnya sumber-sumber ketegangan baru di samping perlunya penyelesaian semua perselisihan antarabangsa secara damai melalui perundingan yang serius dan membina berasaskan kepada prinsip persamaan yang bermanfaat.

Menyatakan sokongan mereka untuk mempertahankan

perdamaian dan kestabilan di kawasan Asia Tenggara serta sokongan terhadap prinsip penyelesaian setiap masalah melalui rundingan.

Keperluan untuk sentiasa meningkatkan upaya ke arah memperkukuh kesatuan ASEAN dan bagi menambah kemamfaatan ASEAN untuk anggota-anggotanya.

Dukungan sepenuhnya atas kerjasama ASEAN ke arah terwujudnya satu Kampuchea yang berdaulat, merdeka dan non-block.

Menyeru agar dihindarkan usaha-usaha bagi mengadakan tekanan militer dan politik terhadap negara-negara Arab serta mengulangi kembali sokongan terhadap kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan persatuan nasional Lebanon.

Perlunya dicapai, penyelesaian masalah Timur Tengah secara adil atas dasar pengunduran pasukan Israel dari seluruh wilayah Arab yang diduduki sejak tahun 1967, pelaksanaan hak nasional rakyat Palestin yang sah.

Dukungan mereka terhadap perjuangan kemerdekaan rakyat-rakyat di wilayah yang masih di bawah penjajahan serta perjuangan masyarakat antarabangsa bagi menghapuskan segala bentuk diskriminasi racial dan apartheid.

Peningkatan kerjasama pada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam rangka pembangunan negara-negara Dunia Ketiga.

Menyeru agar kawasan Lautan India dijadikan kawasan damai dan agar persidangan antarabangsa mengenai masalah tersebut di bawah naungan PBB diselenggarakan secepat mungkin sesuai dengan keinginan sebahagian besar negara-negara anggota PBB.

BAHAWASANYA sekarang tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil semula tanggungjawab an-negara dengan secara penuh sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka di kalangan masyarakat antarabangsa."

Salah satu antara lain yang terlintas dalam titah pema-syukuran kemerdekaan negara.

Pada 31 Disember 1983 12.00 malam ... melangkah 1 hari 1984 bersamaan 27 Rabi-ul-Awwal 1404 Hijrah. Saat dan detik yang bersejarah.

Setiap detik itu yang akan menjadi kenangan dan ristaan bagi rakyat Brunei Darussalam dan berzaman.


Perasaan bangga perasaan kita itu bahawa negara yang kita ini dengan hanya keluasan 570 batu persegi dan keramaian penduduk 200,000 orang telah mampu menempatkan dirinya di antara diri sama tinggi dan duduk sama rendah" dengan negara-negara dunia antarabangsa.

TIDAK TERASA

Peristiwa tengah malam itu telah setahun berlalu yang bererti tahun juga sudah usia kemerdekaan negara kita. Mungkin kita terasa kepada kita kerana khayalan kita untuk menyambut kemerdekaan negara ini dengan secara sederhana saja.

Tetapi dalam menyambut kemerdekaan itu pula kita tidak meriakkan 'MERDEKA!' sekiranya kita beramai-ramai berpu-pun bersembahyang di masjid-masjid seluruh negara.

Tidak ada perayaan-perayaan sambutan tetapi digantikan dengan sambutan yang lebih meyakinkan acara yang berbentuk upacara.



Inilah suasana di malam pengisytiharaan kemerdekaan di mana rakyat dan penduduk bersama-sama menunggu saat dan detik bersejarah untuk menjadi bangsa yang berdaulat dan merdeka.

IMBAS KEMBALI DETIK-DETIK KEMERDEKAAN

Oleh: Abd Manap Haji Abd Rahman

Ini yang ganjil dan pelik bagi mata luar kerana kita di negara ini senyap dan sunyi menyambut kemerdekaan negara. Itu tidak penting kerana kita sentiasa tenang dalam menempuh kemerdekaan negara.

"Kerana selama dalam ketenangan kita itulah kita memperoleh kemerdekaan dan kedaulatan negara ini yang pada lazimnya diperolehi oleh kebanyakan negara dengan berebutan kuasa, peperangan dan kacau-bilau," demikian antara lain Pengarah Penerangan pernah menjelaskan.

KEYAKINAN

Ketenangan kita itulah juga yang memberikan kita kekuatan dan keyakinan untuk menempuh kemerdekaan penuh itu dengan selamanya bulat dan padu menyokong dan mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan selaku tam-puk pemerintah dan teras negara.

Maka dengan demikian seharusnya kita bersyukur dan sen-

tiasa memohon perlindungan Allah dengan menyambut kemerdekaan negara secara beribadat kerana dengan izin-Nya jua kita dapat kedudukan yang baik untuk menyertai masyarakat dunia antarabangsa.

Kenapa kita menyambut kemerdekaan dengan senyap?

Menurut Pengarah Penerangan bahawa suasana senyap dan sunyi dalam menyambut kemerdekaan sebahagian besarnya ialah kerana tiada pertentangan di kalangan kita mengenai kemahuan untuk merdeka.

Semua kita mahukan merdeka dan kerana itu tiada siapa-siapa yang patut dijadikan sasaran untuk ditentang.

"Brunei Darussalam tidaklah sama dan tidak patut disamasamakan dengan kemerdekaan bagi negara-negara jajahan yang mana bagi negara jajahan itu kemerdekaan merupakan suatu perubahan yang besar dalam taraf kedaulatan dan kuasa pemerintahan."

Negara Brunei Darussalam memperoleh taraf kedaulatannya dan kuasa pemerintahan tersendiri dalam negeri melalui perjanjian-perjanjian istimewa dengan Great Britain.

TAMBAHAN

Dan kemerdekaan bagi Negara Brunei Darussalam hanyalah pada menamatkan tarafnya selaku sebuah negara naungan British dan telah sememangnya menikmati kerajaan sendiri dalam negeri secara penuh yang mana peralihan kepada taraf sebuah negara yang merdeka 'hanyalah melibatkan tambahan beberapa tanggungjawab dalam bidang pertahanan dan hal-ehwal luar negeri saja.'

Perkara ini juga dengan jelas disebutkan dalam titah pema-syukuran.

"Bahawasanya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Tahun 1979 telah dibuat di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan Pertukaran Nota itu telah dipersetujui bahawa apa juga kuasa, kewajipan atau tanggungjawab yang mungkin dipegang oleh Kerajaan Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di bawah semua treaty, perjanjian dan sunnan yang terdahulu di antara

"Kita sepatutnya merasa insaf yang kemerdekaan itu wajib diterima lebih dari sambutan dan perayaan, kerana kita mencapai taraf bangsa yang merdeka setaraf dengan masyarakat antarabangsa dalam keadaan selamat dan aman"

kedua buah negara yang bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya bagi sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka hendaklah tamat pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan termasuk tanggungjawab terhadap urusan-urusan luar negeri akan kembali kepada Baginda sebagai Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984."

Selain itu pengalaman juga menunjukkan bahawa tiada penindasan berlaku ke atas negara dan rakyat oleh mana-mana pihak secara yang mematutkan timbulnya perjuangan menentang atau melawan penindasan itu.

"Kalau orang lain mengalami apa yang dikatakan penindasan penjajah, baik penjajah asing mahupun penjajah dari kalangan sesama sendiri langsung berlaku pertentangan di kalangan mereka atau terhadap kuasa asing maka itu adalah pengalaman masing-masing yang kerana latar belakang dan sebab tertentu."

Kebetulan peristiwa sedemikian tidak pernah berlaku di negara kita maka adalah tidak munasabah kalau ianya cuba dirasa-rasakan.

Kerana tidak munasabah itulah,

jelas Pengarah Penerangan, tentulah tidak munasabah pula kita menyambut merdeka atau mencapai merdeka dengan riuh-rendah, pekikan dan laungan.

Sebab itulah hingar-bingar dalam laungan merdeka yang sering berkumandang di kebanyakan negara-negara lain tidak perlu untuk rakyat dan penduduk negara ini dalam menyambut kemerdekaannya.

MERASA INSAF

Sayugia pula kita sepatutnya merasa insaf yang kemerdekaan itu wajibnya kita terima lebih dari sambutan dan perayaan. Memandangkan kita telah menjadi bangsa yang merdeka yang setaraf dengan masyarakat antarabangsa bahkan taraf sedemikian itu kita capai pula dengan keadaan selamat dan aman.

Keadaan aman dan selamat itulah perayaan dan sambutan kita lebih bermakna dengan menyukuri nikmat Allah yang sentiasa memelihara dan melindungi negara ini dari fitnah dan bencana.

Maka adalah bertepatan kita menyambut kemerdekaan negara ini dengan kita bersembahyang dan membaca Yassin dan tidak memerlukan kita untuk mengenggam tangan sambil meneriakan 'merdeka!' tapi cukup memadai dengan 'Allahu Akbar'.



Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien menepalaki rakyat dan penduduk dengan seruan Allahu Akhbar.

Pandangan rakyat setelah setahun merdeka

PERKEMBANGAN baru bagi negara ini selepas menikmati kemerdekaan bukan sahaja terbatas hanya kepada perkembangan perhubungan dan penyertaan Negara Brunei Darussalam di peringkat dunia antarabangsa, malah diikuti juga dengan beberapa perubahan pembangunan kenegaraan yang sama coraknya dengan jarak usia merdeka.

Dalam masa yang sama, semua lapisan rakyat dan masyarakat negara ini didedahkan dan turut merasakan pelbagai perubahan yang berlaku dan jangka waktu setahun pencapaian kemerdekaan itu, kita sebagai rakyat juga perlu mengisikan erti kemerdekaan agar negara ini menjadi sebuah negara yang kukuh terutama di segi sosio-ekonomi dan politiknya.

Penglibatan rakyat di semua jurusan perkembangan kerajaan adalah penting bagi menampakkan satu kejayaan yang besar dalam rencana mengisi erti kemerdekaan itu.

Dari perspektif itu pihak Pelita telah sempat merakamkan pendekatan dengan orang ramai berkenaan dengan pandangan mereka setelah setahun berada dalam kemerdekaan.

KEWAJIPAN TERHADAP NEGARA

Sewaktu bertembual dengan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim, bekas Menteri Besar Brunei dalam tahun 1964 dan bersara pada tahun 1972, menjelaskan bahawa perbezaan yang lebih ketara dalam diri beliau semenjak pencapaian kemerdekaan ialah beliau adalah salah seorang anak Brunei yang merdeka.

Menurut Y.A.M. Pengiran Setia Negara, sekalipun kita sudah mencapai kemerdekaan tetapi sebagai seorang rakyat yang mengaku sebenarnya taat setia kepada Negara Brunei Darussalam, kewajipan kita terhadap negara ini tidaklah putus-putus apa lagi sesudah mencapai kemerdekaan.

"Yang penting bagi kita yang mengaku merdeka hendaklah meneruskan dan melengkapkan diri dalam kehidupan merdeka serta mengisikan erti sebenarnya kemerdekaan itu."

"Mengisikan kemerdekaan bukan bermakna kita pandai melaukan merdeka tetapi tidak tahu erti sebenar kemerdekaan itu. Dalam soal ini kewajipan kita terhadap tanahair seperti bagaimana cara mempertahankan bangsa, meninggikan kebudayaan, mempertahankan status, moral dan ekonomi itu adalah penting dalam saat kita mencapai kemerdekaan," sabda Yang Amat Mulia lagi.

Bagaimanapun, Yang Amat Mulia menyeru rakyat negara ini, iaitu sebagai sebuah bangsa yang merdeka janganlah terdapat lagi pada setiap diri rakyat perasaan takut dan tidak mahu mencuba sesuatu.

"Di bidang antarabangsa, kita telah berjaya menubuhkan beberapa perwakilan. Memandangkan keadaan itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa kemerdekaan dan kedaulatan kita diiktiraf oleh dunia antarabangsa."

Perasaan itu perlulah dikikis dan dihilangkan serta lengkapkanlah diri sebagai seorang rakyat yang berjiwa dan berfikiran merdeka.

Di samping itu, tegas Yang Amat Mulia, perpaduan dalam sebuah negara merdeka adalah penting. Untuk mewujudkan sebuah masyarakat bersatupadu, kekuatan bahasa adalah nadi yang penting. Dari itu kita perlu memperkukuhkan dan mempertahankan bahasa dan bangsa kita.

Menyentuh tentang konsep Melayu Islam Beraja, Yang Amat Mulia menjelaskan bahawa konsep MIB bukanlah merupakan konsep baru bagi kita tetapi ianya telah wujud sejak dulu lagi dan sekarang diperkemaskinikan.

"Oleh kerana konsep ini merupakan satu konsep yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka ini adalah satu kewajipan yang termesti kepada seluruh rakyat untuk diterapkan dalam jiwa masing-masing demi mereka mengenal bahawa inilah konsep Negara Brunei Darussalam."

Sementara itu bagi Awang Sumadi Sukaimi, Penolong Pengetua Insititut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah Gadong berpendapat bahawa dalam pencapaian kemerdekaan itu kita telah memperolehi satu kedaulatan yang tulen dari segi kehidupan sebagai satu bangsa bermaruah penuh.

Sepanjang kemerdekaan, katanya, negara ini telah mengalami beberapa perubahan pada dasarnya misal kata, di peringkat dalam kita telah berkemampuan mewujudkan satu falsafah atau konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja.

"Dengan adanya falsafah ini kita telah mempunyai satu pendirian dan keyakinan yang mana akan membawa kita ke arah satu kehidupan yang dicita-citakan."

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN

Yang paling unikinya, tambah beliau, kita telah dapat mengasaskan konsep tersebut dalam tempoh satu tahun atau dalam saat yang singkat.

Selain dari itu, ujarinya, satu perkembangan yang lain ialah dari aspek pendidikan dan pelajaran kita telah diperkembangkan dan berkemampuan tinggi seperti terdapat sebuah Institut Pengajian Tinggi. Dengan adanya aspek ini kita telah mula menggerakkan pertumbuhan dan perkembangan pendidikan kepada satu tapak yang lebih maju. Ini dengan sendirinya sudah tentu menggambarkan bahawa fikiran kita sudah semakin meluas.

Begitu juga dalam bidang infrastruktur sosio-ekonomi dan pembangunan fizikal sudah kita wujudkan dan membolehkan kita berfungsi dan



Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof.

"Yang penting bagi kita yang mengaku merdeka hendaklah meneruskan dan melengkapkan diri dalam kehidupan merdeka serta mengisikan erti sebenarnya kemerdekaan itu."

melaksanakan dengan lebih baik dan efisien bagi menghadapi seterusnya zaman-zaman merdeka.

"Di samping itu di bidang antarabangsa, kita telah berjaya menubuhkan beberapa perwakilan. Memandangkan keadaan itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa kemerdekaan dan kedaulatan kita diiktiraf oleh dunia antarabangsa," katanya.

"Saya berpendapat memang kemerdekaan kita ini menghadapi cabaran-cabaran yang hebat akan tetapi dalam soal ini saya juga tidak khuatir kerana dari segi persediaan infrastruktur dan strategi kita sudah menyiapkan diri untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut seumpama bagi menghadapi cabaran antarabangsa kita telah menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu."

Menurut beliau, yang penting sekarang ialah kita patut melengkapkan diri dari segi kejiwaan, kesedaran terhadap penglibatan dan tanggungjawab sebagai warganegara Brunei yang berdaulat serta merdeka, misalnya bagi golongan belia, perlu mempunyai sikap

dedikasi dan kepada peredaran dan sedaran dan baik dari g

Berhubung beliau selan merupakan berbangsa diamalkan Darussalam negara dan

MEN

Manakala Maktab Sultan Mohd. Zain dikan ba ketenangan kawasan ra

Apa yang kita sebagai erti kemerdekaan negara ini b

Dayang pelajar di S kata, "Seba wanita Brui usia setahun mengisi ken tenaga dan dan lain-lain

"Bagi say ialah mene negara."

Saharuddin bangan selepas yang jelas ba pelajaran ne peluang ba ningkat dan

"Dengan dapat jua menyumban nada bersem

Berlainan seorang peme merdeka an ketani sepan

TEN

Dalam ter negara kecil sama ke kaumnya. E ini telah me Negara Bru yang hari in

Pengerusi Datin Hajja singkat deng diharapkan kerjasama k tenaga ke ar bahu dalam

Dengan pertubuhan Darussalam dari kemasul berhubung anggota.

OLEH:
AISAH PEE
JOHARI HJ. ABD. LATIF
HANIZA ABDULLAH

Dengan penubuhan majlis yang sedang dalam perancangan itu, menurut Datin Hajjah Jusnani, Brunei Darussalam akan dapat menghantar perwakilannya ke persidangan atau seminar yang kerap diadakan oleh pertubuhan negara ASEAN. Dengan cara demikian, peserta seminar akan dapat mewakili pihak wanita Brunei keseluruhannya.

Ura-ura penubuhan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam juga adalah ekoran dari kata sepakat beberapa buah pertubuhan wanita di negara dalam



Datin Hajjah Jusnani.....Brunei Darussalam menampakkkan dirinya ke mata dunia.



Awang Sumadi Sukaimi.....Kemerdekaan sebagai satu cabaran.

“Dengan kemasukan Brunei Darussalam ke pertubuhan negara-negara ASEAN, wanita Brunei Darussalam melangkah setapak lagi, yang mana hasil dari kemasukan itu, wanita di negara ini berpeluang berhubung dengan wanita di kelima-lima negara anggota.”



Awang Saharuddin.....Kemajuan dalam bidang pelajaran semakin membanggakan.



Dayang Zainab.....Negara Brunei Darussalam dikenal oleh dunia antarabangsa dengan keunggulannya sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.



Norhisam.....pencapaian kemerdekaan bagi negara ini adalah berbeza dengan mana-mana negara di rantau ini.



See Too Suiling.....Merasa bangga kerana Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya dengan cara tersendiri.

langkah mengisikan kemerdekaan. Sudah sampai masanya, bagi kaum wanita di negara kecil ini bersatupadu bagi memimpin dan membangun masyarakatnya dan mencapai kemajuan yang patut dicapainya.

Sokongan dari persatuan-persatuan belia di negara ini dalam rancangan menubuhkan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam adalah sangat-sangat dialukan. Keahlian tidak hanya setakat bagi pertubuhan wanita, malah juga akan terbuka kepada persatuan-persatuan yang mempunyai ahli-ahli wanita yang mencukupi.

MERASA BANGGA

Menyentuh tentang pencapaian dalam tempoh setahun merdeka, Datin Hajjah Jusnani menerangkan bahawa apa yang nyata ialah kita bertanggungjawab dalam kedua-dua urusan hal-ehwal dalam dan luar negeri. Brunei Darussalam telah lama melaksanakan urusan hal-ehwal dalam negerinya, dan dengan mengambil-alih semula tanggungjawab hal-ehwal luar negeri, Brunei Darussalam berupaya menampakkkan dirinya ke mata dunia.

See Too Suiling kini berada dalam Tingkatan 5G di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin berkata sebagai seorang yang bukan berbangsa Melayu turut merasa bangga kerana Negara Brunei Darussalam dapat mencapai kemerdekaannya dengan cara tersendiri dan tidak dipengaruhi oleh cara Barat, malah ianya dicapai dengan mengikut dasar-dasar Islam.

“Kepada bangsa bukan Melayu di negara ini saya menyeru supaya dapat membantu kerajaan dalam bidang kerjasama dan mempelajari bahasa Melayu dengan lebih tekun lagi,” katanya.

Seorang lagi pelajar Tingkatan 5K Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Zainab Jalil berpendapat semenjak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, negara ini telah dikenal oleh dunia antarabangsa dengan keunggulannya sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

“Sejak merdeka Negara Brunei Darussalam dikenali oleh dunia antarabangsa dengan keunggulannya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja”

LAWATAN KE TIMUR TENGAH

Dari muka 6

Keberangkatan tiba Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan rombongan di Lapangan Terbang Seeb, Oman pada 5 Disember 1984 telah dialu-alukan oleh D.Y.M.M. Sultan Qaboos bin Said.

Acara lawatan itu termasuklah bertukaran Bintang-Bintang Kebesaran, D.Y.M.M. Sultan Qaboos telah menganugerahkan Bintang Order of Oman Darjah Pertama kepada Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan sementara itu Baginda Sultan pula menganugerahkan Bintang Keabangsaan Diraja (DK) kepada D.Y.M.M. Sultan Qaboos.

Perundingan dua hala yang meliputi aspek perhubungan dan kerjasama telah juga dibincangkan dalam bilik persidangan Istana Al-Lam.

Lawatan selama tiga hari ke Oman itu memberi kesempatan kepada rombongan Brunei Darussalam meninjau sebuah ladang pokok-pokok kurma dan buah-buahan di Bahjat Al-Anjar Farm serta menyaksikan perlumbaan kereta di satu kawasan berhadapan dengan Sohar Fort. Sohar sebuah bandaraya yang jauhnya kira-kira 100 km dari ibu negara Oman, Muscat.

KE MESIR

Dari Oman Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta ahli rombongan yang lain berangkat ke Mesir pada 17 Disember 1984 dalam mana T.Y.T. Presiden Mohamed Hosni Mubarak dan Puan Mubarak telah pun bersedia untuk mengalu-alukan keberangkatan Baginda Sultan di Lapangan Terbang Cairo.

Baginda Sultan telah dianugerahkan Bintang Collar of the Nile - Bintang Kebesaran yang paling tinggi Republik Arab Mesir oleh T.Y.T. Presiden Mohamed Hosni Mubarak sementara itu D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam pula dianugerahkan pula dengan Bintang Kebesaran Collar of the Kamal. Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan pula telah menganugerahkan Bintang Kerabat Diraja (DK) kepada T.Y.T. Presiden Mohamed Hosni Mubarak dan Puan Mubarak.

"Kami sememangnya bangga dan merasa sukacita menerima dan melihat bertambahnya bilangan penuntut-penuntut negara bersaudara dalam pengajian mereka di Universiti Al-Azhar dan beberapa institusi-intituti lain dan bergaul dengan saudara-saudara kami yang dengan sendirinya mengeratkan lagi perasaan persaudaraan dan persahabatan antara rakyat kedua negara bersaudara," demikian antara lain ucapan Presiden Mohamed Hosni Mubarak di Majlis

Persantapan Malam Kenegaraan yang diberikan oleh beliau di Istana Abidine sejurus setelah penganugerahan bintang kebesaran dilakukan.

Dalam titah balas Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan yang dilangsungkan di Istana Kubbeh antara lain bertitah, "Adalah sesungguhnya menjadi hasrat Beta untuk meluaskan lagi perhubungan negara Beta, Brunei Darussalam pada menyelidik bidang-bidang berasingan juga kerjasama di dalam perkara-perkara yang mempunyai kepentingan kemanfaatan bersama dengan Republik Arab Mesir."

Perhubungan yang telah sedia ada adalah merupakan sumber kegembiraan bagi kedua negara dalam keadaan yang sentiasa muhibah dan berkemanafaatan serta diperkukuhkan lagi dengan memasukkan Brunei Darussalam dalam badan ASEAN yang dengan secara langsung berhubung melalui diplomatik dengan saudara berjiran.

SOKONG PENUH

Mengenai isu-isu antarabangsa, Baginda Sultan bertitah, "Dengan persoalan Palestin, negara Brunei Darussalam menyokong penuh Pertubuhan Pembebasan Palestin di dalam perjanjian mereka untuk mendapatkan hak-hak rakyat Palestin."

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian berat ke atas Afghanistan dan turut sama dalam menyeru pengunduran tentera-tentera asing dari negara tersebut dan pengembalian semula negara itu sebagai sebuah negara yang merdeka dan berkecuali."

Dalam isu di Timur Tengah dan kawasan berdekatan, Baginda juga telah menyatakan penghargaan akan peranan yang penting yang dimainkan oleh Republik Arab Mesir melalui usaha yang gigih dan penuh pengorbanan, bermanfaat dan berkebaikan demi perjuangan bangsa Arab.

"Walaupun pihak Vietnam berdegil dengan pendiriannya, ASEAN masih bersikap flexible



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra dengan Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak semasa keberangkatan Baginda ke Republik Arab Mesir.

dan cergas di dalam mencari sesuatu penyelesaian yang adil dan mudah-mudahan berkekalan," demikian titah Baginda Sultan mengenai dengan isu-isu di Asia Tenggara.

Peningkatan dua hala juga dirundingkan dengan memperluaskan bidang kerjasama dalam ekonomi, kebudayaan, pelajaran serta bidang-bidang lain yang bermanfaat untuk kedua belah pihak.

Setelah berada di Republik Arab Mesir selama tiga hari, rombongan Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan pun berangkat ke Jordan bagi mengakhiri rangka lawatan kenegaraan ke Timur Tengah.

Perkara yang telah diumumkan dalam satu kenyataan bersama di hari terakhir lawatan Kebawah D.Y.M.M. Baginda Sultan antaranya ialah kedua belah pihak bersetuju untuk mengadakan hubungan diplomatik.

TENAGA PAKAR

Kerajaan Jordan juga bersetuju untuk memberikan tempat di beberapa buah universiti dan tempat pengajian di negara tersebut khusus untuk penuntut-penuntut Brunei Darussalam, di samping akan membekalkan tenaga pakar teknikal ke negara ini.

Kepentingan Islamisasi serantau juga dirundingkan selain daripada menyentuh isu-isu yang melanda Timur Tengah dan kedua belah pihak mengemukakan pendudukan Israel di Tebing Barat dan di Sempadan Gaza sambil menyeru masyarakat antarabangsa agar memberhentikan pendudukan Israel di bumi Arab. Kedua pihak

mensifatkan pendudukan Israel itu sebagai "tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa serta mengancam usaha kedamaian di kawasan tersebut."

HAK MUTLAK

Menyentuh dengan pendudukan Israel di Selatan Lebanon, Brunei Darussalam dan Jordan bersetuju terhadap semua usaha yang bertujuan untuk memberikan hak mutlak bagi menjamin keutuhan kedaulatan dan kemerdekaan Lebanon, dan menyokong penuh bagi pengunduran tentera Israel dari wilayah Lebanon yang diduduki.

Mengenai isu di Teluk, kedua pihak menyeru agar peperangan antara Iraq dengan Iran dihentikan. Kedua belah pihak mensifatkan sebagai, "mengganggu keselamatan dan kestabilan rantau dan memberikan jalan bagi campur tangan kuasa luar."

Bertempat di Istana Nadwa dilangsungkan bertukaran penganugerahan bintang-bintang kebesaran dan cenderamata. Baginda Yang Dipertuan telah menganugerahkan Darjah Kerabat (DK) kepada Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Hussein dan Permaisuri Noor.

Baginda Yang Dipertuan telah dianugerahkan dengan Bintang Tertinggi Jordan, Sherif Hussein Ibn Ali dan D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam dengan Bintang Kebesaran Al-Nahda.

Di sepanjang lawatan tiga hari di negara Jordan Kebawah

D.Y.M.M. Baginda Sultan telah juga dijunjung berangkat ke Markas Tentera di Qyada, Pengkalan Udara Tentera, Muzium Peringatan, Pusat Perubatan Raja Hussein dan Markas Membuat Senjata.

Dalam keberangkatan Baginda Yang Dipertuan melawat Muzium Peringatan Martyrs, Baginda telah dipersembahkan oleh Ketua Komandan dengan "The Golden Medal Of The Martyrs Memorial."

KESIMPULAN

Keberangkatan lawatan kenegaraan keluar negeri ini dapatlah disimpulkan suatu langkah kebijaksanaan yang arif dalam membuktikan hakikat dalam tata norma pergaulan antarabangsa bahawa suatu negara yang berdaulat tanpa mengira ukuran besar kecil keluasannya, penduduk, kekayaan buminya adalah sama-sama mempunyai kedaulatan yang sama dan kukuh.

Memang, suatu lawatan kenegaraan pelbagai ragam fungsinya tetapi semuanya berniatjahan kepada peningkatan kerjasama dalam pelbagai bidang yang menguntungkan kedua belah pihak semata-mata jua bagi memperkukuh persahabatan. Hubungan antarabangsa mengharuskan peningkatan persahabatan dewasa ini sebab besar atau kecil suatu bangsa dan suatu negara, jika diteliti secara praktis, setiap negara ada kelebihanannya yang tersendiri. Dalam hal ini Brunei Darussalam adalah satu-satunya negara di bumi sejagat yang bulat ini mengamalkan konsep sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Perjalanan pentadbiran berkementerian

Dari Muka 10

Jabatan-jabatan yang tergolong dalam beberapa kementerian berjaya mengatur, menyusun dan merencanakan setiap projek jabatan mereka menerusi kementerian masing-masing. Kejayaan tersebut jika diukur dari segi pengalaman mereka mungkin menghairankan kerana kita belum begitu lama merdeka dan perkara

itu menghendaki masa yang agak lama.

Apa yang nampak pada kita setakat ini, pegawai dan kakitangan kerajaan sudah dapat menguasai tugas dan peranan mereka dalam suasana negara merdeka serta memahami sepenuhnya corak pentadbiran negara sekarang. Pemahaman mereka terhadap sistem tersebut begitu cepat dan ini membolehkan segala uru-

san tugas-tugas jabatan mereka berjalan dengan jayanya.

Kebijaksanaan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam menyesuaikan diri mereka dengan tugas mereka sangat membanggakan. Ini dapat kita lihat semasa mereka menjalankan tugas-tugas sehari-hari yang berhubung dengan orang ramai.

Pengalaman baru yang dapat dirasakan oleh pegawai serta ka-

kitangan di jabatan-jabatan dalam satu bumbung kementerian memang berbeza-beza, memandang fungsi satu jabatan itu tidak sama dengan jabatan yang lain. Akan tetapi apabila tergolong dalam satu kementerian maka sesebuah jabatan itu akan mengikuti peranan kementerannya, sementara tugas dan peranan jabatan itu tetap seperti biasa, cuma ianya digolongkan dalam satu kementerian.

KEMUNCULAN Negara Brunei Darussalam dalam arena dunia antarabangsa sememangnya suatu kenyataan dari hasrat dan harapan seluruh rakyat dan penduduk negara ini yang inginkan kedudukan yang setaraf – berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan negara-negara lain di dunia.

Tercapainya cita-cita dan impian rakyat yang murni itu adalah atas kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selaku pemerintah tampak negara yang berdaulat.

Seluruh dunia membuka mata dan memasang telinga sebaik-baik saja kemasukan Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu – PBB selaku ahli ke-159 badan dunia itu disiarkan oleh berbagai mass media.

JAWAPAN KEPADA DUNIA

Kemasukan ke dalam PBB merupakan jawapan kepada dunia. Sebelum ini berbagai tanggapan, pandangan, andaian dan seumpamanya dari berbagai pihak dan kalangan masyarakat di dunia terhadap negara kita yang baru merdeka dan mengambil alih tanggungjawabnya dari Kerajaan United Kingdom dalam urusan arena antarabangsa itu.

Segalanya itu telah terjawab dan dijelaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sulung Baginda yang agak panjang di Perhimpunan Agung PBB yang ke-39 di New York dalam bulan September tahun lepas sempena kemasukan Negara Brunei Darussalam ke badan dunia itu.

KEGEMILANGAN

Dari pengalaman yang belatar belakangan sejarah, Baginda bertitah menjelaskan: "Kami merupakan sebuah negara baru, tetapi juga sebuah negara purba; salah sebuah negara yang tertua di Asia. Para pelawat ke Brunei beberapa kurun yang silam menemui satu sistem sosial yang kukuh dengan kebudayaan yang kaya dan makmur. Lima ratus tahun yang lalu, di bawah kepimpinan keturunan beta Sultan Bolkiah, Sultan Islam yang iklim Brunei telah memainkan peranan penting dalam perkembangan Ujama Islam di Asia Tenggara.

Kami telah mengalami kemajuan dan kegemilangan. Tetapi

KEMASUKAN BRUNEI KE P.B.B. 'JAWAPAN' KPD. DUNIA

OLEH: TIMBANG BAKAR

kami juga telah mengalami banyak kepedihan: selama tiga ratus tahun, dari abad keenam belas hingga abad kesembilan belas, wilayah dan negara kami diserang oleh kegiatan lanun yang bermaharajalela: beberapa peperangan, keganasan dari mereka yang memanggil diri mereka sebagai penjelajah yang juga kami kenali sebagai para pengeksploit.

Dalam abad ini, kami hidup di bawah naungan imperial, untungnya sebuah negara yang penuh kebajikan – Great Britain – dan buat seketika semasa Perang Dunia Kedua, di bawah pendudukan tentera Jepun."

Pendek kata, titah Baginda seterusnya, "Negara kami bukan sahaja mengalami keamanan tetapi juga peperangan; kekayaan, tetapi juga kemiskinan; perniagaan yang bertenaga, tetapi juga pemencilan, perkembangan tetapi juga eksploitasi; berkerajaan sendiri, tetapi juga pengurusan asing."

APPROACH

Kesemuanya itu pada hemat Baginda ada mendatangkan faedah. "Ianya mengajar kami menghargai kenyataan hidup di dunia ini. Oleh yang demikian perwakilan Beta ingin meyakinkan bahawa "approach" kami terhadap Bangsa-Bangsa Bersatu adalah sesuatu yang realistik. Kami tidak menganggap tujuan dan matlamat Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai konsep yang abstrak semata-mata. Sebagai sebuah negara yang kecil dan kaya dengan pengalaman, kami sesungguhnya menghargai kesan moral dan undang-undang prinsip-prinsip ini dan akan sentiasa berusaha untuk mencapai kata sepakat antara kedua-dua prinsip ini dan corak kami mengendalikan hal-ehwal dunia."

Dalam titah tersebut juga Baginda menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap keganasan dan campur tangan kuasa asing ter-

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam beramah mesra dengan Presiden Perhimpunan ke-39 PBB, Tuan Yang Terutama Paul Lusaka di Pejabat Tuan Yang Terutama itu.



hadap sesebuah negara sebagaimana yang dilakukan oleh tentera Vietnam di Kampuchea, masalah rakyat Palestin, pencabulan kuasa asing di Afghanistan, pendudukan Israel di negara-negara Arab dan sistem diskriminasi perkauman di Afrika Selatan juga turut dikenali dengan kuatnya oleh Baginda.

PENGHIDUPAN YANG LEBIH BAIK

Selain daripada menekankan perlunya keamanan atas sebab-sebab yang lebih dari satu, Baginda juga menjelaskan: "Kami mempunyai sumber hasil-mahsul untuk memberi rakyat kami penghidupan yang lebih baik. Sesiapa yang telah melawat Brunei Darussalam akan dapat mengetahui kemajuan yang telah dibuat dalam berbagai bidang dalam usaha untuk kesejahteraan rakyat kami. Kami telah menumpukan sumber-

sumber kami untuk memberi pelajaran percuma, subsidi makanan dan minyak, serta pencen untuk orang-orang tua dan janda, rawatan perubatan dan kesihatan termasuk perkhidmatan doktor terbang dan mata pencarian tanpa dikenakan cukai pendapatan. Khidmat ini dan banyak yang lain lagi adalah semuanya diberikan untuk melindungi kebajikan rakyat. Kami ingin dibiarkan berseendirian serta bebas dari campur tangan luar. Kami ingin membangun negara kami serta memberikan rakyat kami penghidupan yang lebih baik lagi. Kami ingin melihat tercapainya matlamat kami untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial serta perkembangan kebudayaan. Di waktu yang sama kami ingin mengembangkan sektor-sektor pengeluaran dalam bidang pertanian, perhutanan, perikanan serta perusahan."

Dalam kesempatan yang b... sejarah itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan tegas dan lantang menjelaskan: "Kami ingin memastikan untuk terus memodenkan negara kami di samping mengukuhkan pegangan mengilmi prinsip-prinsip ajaran agama Islam yang kami anuti sejak turun temurun."

GAMBARAN JELAS

Titah Baginda itu dianggap oleh banyak pihak adalah sangat tepat bagi sempena yang amat bersejarah iaitu kemasukan Negara Brunei Darussalam ke dalam pertubuhan badan dunia itu.

Dengan anggapan bahawa, semua anggota badan dunia ini mendapat gambaran yang jelas mengenai Negara Brunei Darussalam iaitu pendirian kerajaan dan rakyatnya.

Bagi Negara Brunei Darussalam penerimaan kemasukan ke dalam badan dunia itu bukan saja merupakan pengiktirafan dunia atas kemerdekaan kita bahkan juga menandakan masa hadapan yang cerah dalam kita melaksanakan tanggungjawab antarabangsa.

Titah Baginda dianggap oleh banyak pihak sangat tepat bagi sempena kemasukan negara ini ke PBB



Setiasusaha Agung PBB, TYT Perez De Cuellar menerima cek yang bernilai US\$1 juta yang didermakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu – UNICEF.

Seluruh dunia membuka mata dan memasang telinga sebaik-baik saja kemasukan Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai ahli ke-159 badan dunia itu disiarkan oleh berbagai-bagai mass media.

PERHIMPUNAN Maulud
ahun lepas Kebawah Duli
Maha Mulia Paduka Seri
da Sultan dan Yang Di-
n Negara Brunei Darus-
antara lain bertitah:

utuk menghayati dan men-
dengan aduan sempenanya
Negara Melayu Islam
itu, kita semua perlu
ambil langkah-langkah yang
dan segera pada mengawal
melihara negara ini dari apa
nasir-anasir yang bertujuan
menghalang kita dari men-
cita-cita dan tujuan-tujuan
berkeadilan di landasan
diasaskan itu."

h Diraja dalam majlis umum
nai Melayu Islam Beraja itu
gariskan dua perkara:

tama: Keperluan mengambil
ah yang positif dan segera
mengesankan konsep Me-
slam Beraja.

dua: Keperluan untuk mel-
mel dan memelihara negara
nasir-anasir yang bertujuan
menghalang pencapaian dan peng-
an sempurna konsep Melayu
Beraja.

sambutan Hari Kebangsaan
ciri-ciri perpaduan yang
uan mengutarakan dan me-
nkan serta meluaskan peng-
an rakyat dan penduduk
la konsep Melayu Islam
akan ditekankan.

tekanan untuk menghayati
ah negara ini akan dipa-
an di upacara-upacara per-
man agung yang akan me-
ngkan perpaduan rakyat
penduduk oleh segenap la-
masyarakat dalam men-
ng dan bersama dalam usaha
aan menuju dan menjunjung
meningkatkan kesedaran ba-
menghayati aspirasi yang ter-
ung dalam ertikata Melayu
n Beraja itu.

onsep ini bukanlah konsep
seperti halnya dengan negara
yang bukan baru lahir setelah
leka.

egara Brunei Darussalam te-
lama lahir dalam ertikata
ik dan sistem-sistem sosialnya
negara kita, status dan
ahnya tidak pernah luput
pada hakikatnya sebagai se-

**Perhimpunan
ari Kebangsa-
akan mem-
merkan ciri-
ri perpaduan
kyat dan pen-
duk dalam
endukung,
enjunjung dan
enghayati as-
rasi konsep
Melayu Islam
eraja.**

OLEH: ABD. MANAP HJ. ABD.
RAHMAN

Tema sambutan Hari Kebangsaan: PERPADUAN MENGHAYATI KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA

MELAMBANGKAN PERPADUAN RAKYAT

'Konsep Melayu Islam Beraja bukanlah konsep baru. Yang baru ialah penekanan dalam ertikata memahamkan konsep ini sebagai falsafah negara dan pada menjunjung falsafah kenegaraan kita Melayu Islam Beraja'

buah negara Melayu yang mempunyai kerajaan secara berpe-
merintahan beraja dengan men-
dapat pengaruh serta unsur yang
kuat daripada ajaran Islam sebagai
ciri terpenting rakyat dan ke-
rajaannya.

Falsafah ini dulunya kita pang-
gil 'Kesultanan Melayu Islam'.
Kemudiannya konsep ini diper-
kemaskan lagi sebutannya me-
nerusi titah pemasyhuran: "Mulai
1 Januari 1984 Negara Brunei
Darussalam adalah dengan izin
serta limpah kurnia Allah akan
selama-lamanya kekal menjadi se-
buah Negara Melayu Islam Beraja
yang merdeka, berdaulat dan
demokratik bersendikan ajaran-
ajaran Islam menurut Ahli Sunnah
Wal-Jamaah."

Jadi konsep Melayu Islam Be-
raja ini bukannya baru. Yang baru
ialah penekanannya dalam ert-
tikata memahamkan konsep ini
kepada rakyat dan penduduk
untuk dihayati oleh semua pe-
ringkat lapisan masyarakat se-
bagai falsafah negara.

"Jika negara-negara lain mem-
punyai falsafah sendiri maka kita
di Negara Brunei Darussalam ini
akan menjunjung falsafah ke-
negaraan kita iaitu Melayu Islam
Beraja," demikian Pengarah Pe-
nerangan pernah menjelaskan.

Di perhimpunan agung nanti
adalah dianggarkan hampir 12,000
orang akan mengambil bahagian
yang sebahagian besarnya dengan
keramaian hampir 9,000 orang
terdiri dari penuntut-penuntut
sekolah-sekolah menengah.

Pendedahan yang diberikan ke-
pada penuntut untuk bersama
menjayakan perhimpunan tersebut
kerana mereka adalah penyam-
bung dan pewaris generasi akan
datang maka adalah perlu bagi
mereka mengetahui, memahami
dan seterusnya menginsafi ke-
dudukan negara sebagai sebuah
negara Melayu Islam Beraja dan di
peringkat muda belia inilah me-
reka patut dilibatkan akan ke-

pentingan negara kekal dengan
corak dan isinya serta pada me-
rasakan akan kemanisan dan ke-
lazatan semua unsur yang ter-
kandung dalam ertikata Melayu
Islam Beraja itu.

Lebih tujuh ribu orang penuntut
akan membuat kad tayang dan
persembahan latar belakang mas-
jid, Kampung Ayer, tulisan jawi,
bangunan-bangunan kerajaan,
sumber ekonomi dan berbagai
gambaran penghidupan akan di-
tunjukkan semuanya akan berlatar
belakangkan kebudayaan, sumber
pekerjaan dan masyarakat di ne-
gara ini manakala dua persem-
bahan kad tayang ialah 'Daulat
Kebawah Duli Tuan Patik' dan
'Kekal Berdaulat dan Merdeka'.

Corak pakaian juga melam-
bangkan ke arah penghayatan
konsep tersebut. Penuntut pe-
empuan akan memakai baju
kurung putih dan tudung putih
yang melambangkan keimanan
dan kesucian dan lelaki akan
memakai pakaian sekolah masing-
masing tetapi bersongkok untuk
melambangkan kemelayuan.

Sementara 1,300 orang penuntut
akan membuat dua corak per-
sembahan padang. Seramai 600
orang penuntut perempuan dari
Sekolah-sekolah Menengah SM-
JA, Maktab Melayu Paduka Seri
Begawan Sultan/Sekolah Sains,
STPRI, Sekolah Ingeris Berakas
bergabung untuk membuat bentuk
dupa, dian dan hamparan tikar.

Dupa membawa pengertian satu
perhimpunan untuk memohon res-
tu Allah.

Dian membawa pengertian pen-
jagaan yang penuh azam dan
tawakal.

Sebahagian mereka akan me-
makai baju kurung keemasan dan
berkain jingga serta bertudung
kuning keputihan (cream) dan
sebahagian lagi berbaju kebaya
kuning, berkain perang dan ber-
tudung hijau.

Pakaian mereka ini melam-
bangkan ketinggian adat istiadat
orang-orang Brunei.

Penuntut lelaki akan membuat
persembahan bercorak payung,
bulan dan bintang, berpakaian
kuning yang melambangkan ke-
hidupan bersatupadu di bawah
pemerintahan beraja, hijau me-
lambangkan kehidupan yang me-
yakini Islam dan perang me-
lambangkan masyarakat dan bu-
daya Melayu.

Sementara 400 penuntut pula
akan mempersembahkan per-
mainan hadrah dan mereka me-
wakili Maktab SOAS, SMJA,
Sekolah Menengah Awang Se-
maun, Sekolah Ingeris Berakas
dan Maktab Melayu Paduka Seri
Begawan Sulan/Sekolah Sains.

Kemuncak perhimpunan itu
nanti ialah perbarisan perpaduan
(solidarity parade) yang akan
melambangkan perpaduan di se-
mula peringkat lapisan masyarakat
di negara ini dalam menjunjung
dan menghayati falsafah negara.

Lihat Muka 14



Bentuk corak persembahan berupa dua batang lilin dan hamparan tikar merupakan salah satu dari dua corak persembahan padang.



Latihan-latihan terakhir bagi persediaan sambutan Hari Kebangsaan.

HAMPIR setahun dua bulan negara kita mencapai kemerdekaan, pelbagai rancangan kemajuan yang telah dirancang terus-menerus dilaksanakan.

Rancangan Perpindahan Perumahan Negara, salah satu dari projek dalam Rancangan Kemajuan Negara 1975-1979 bertujuan mewujudkan ketinggian taraf hidup rakyat; meningkatkan kesejahteraan, kebahagiaan dan kesejahteraan dan kemakmuran serta kemantapan, keamanan dan ketenteraman negara masih giat diungkapkan secara berperingkat-peringkat.

Bagi kebanyakan orang, rancangan berkenaan terlalu mengambil masa yang lama tetapi sebagaimana yang dijelaskan oleh Pengarah Perpindahan (sekarang Pengarah Jabatan Kemajuan Perumahan), ianya memerlukan perancangan yang teliti, mendalam dan berhati-hati.

"Perancangannya memerlukan penelitian yang mendalam dan hati-hati serta mengikut peringkat-peringkat yang tertentu seperti pemilihan tapak, pengkajian permukaan bumi, mengukur dan menyediakan pelan induk keseluruhannya," jelas beliau sedikit masa dulu.

Menurut penyelidikan yang dilakukan dalam pertengahan tahun 1976, hampir 15 ribu orang atau 1/3 penduduk negara ini ikut serta dalam kajian dan penyelidikan itu; 13,411 orang darinya terdiri dari penduduk Kampung Ayer.

Beberapa kawasan di negara ini telah pun dipilih sebagai tapak-tapak perpindahan bagi kakitangan Kerajaan Bahagian III, IV dan V.

Kawasan Lambak Kanan seluas 1,902 ekar dan boleh menampung 2,004 lot telah dipilih sebagai kawasan rancangan pendahuluan (Pilot Scheme).

Di Daerah Tutong, satu kawasan seluas 1,355 ekar di Bukit Beruang telah dipilih sebagai tapak perpindahan dan boleh menampung 900 lot. Ketika ini kerja-kerja meratakan tanah di kawasan itu sedang giat dilaksanakan.

Di Daerah Belait, tiga kawasan telah dipilih iaitu Kampung Pandan seluas 670 ekar mengandungi

1,400 lot; Lorong Tengah Seria seluas 705 ekar mengandungi 1,400 lot dan Sungai Liang seluas 700 ekar mengandungi 1,400 lot.

Di Daerah Temburong pula, Kampung Rataie yang mempunyai keluasan 390 ekar mengandungi 200 lot telah dipilih. Bagaimanapun hanya kira-kira 40 peratus saja yang akan dimajukan.

Di Daerah Brunei-Muara selain dari Lambak Kanan, Kampung Rimba juga telah dipilih meliputi kawasan seluas 1,367 ekar. Bagaimanapun kerja-kerja infrastruktur di kawasan berkenaan

Oleh: Abd Karim HAB

masih belum dimulakan dan baru dalam peringkat penyelidikan topografi.

Selain itu, Pengkalan Si Babau yang juga di kawasan Daerah Brunei-Muara seluas 365 ekar dan boleh menampung 540 lot juga telah dipilih.

Menurut Timbalan Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Ibrahim bin Haji Karim, dokumen untuk mengeluarkan tender bagi kerja-kerja tanah kini sedang disediakan untuk kawasan berkenaan.

Beliau ketika memberitahu bahawa pembinaan rumah-rumah fasa pertama bagi kawasan perpindahan Lambak Kanan telah pun dimulakan pada 25 Januari lepas.

"Sebanyak 84 buah rumah sedang dalam pembinaan yang disediakan bagi 84 calon yang terpilih dalam rancangan fasa pertama ini," jelas beliau.

Pelita Brunei difahamkan di antara syarat-syarat pemilihan dalam rancangan ini ialah pemohon mestilah tidak mempunyai tanah dan berhak mendapatkan pinjaman perumahan kerajaan.

Menurutnya, seramai 113 pemohon telah ditemuduga dalam

RISTAN O Pelita Brunei SETAHUN MERDEKA



Model rumah Perpindahan Perumahan Negara jenis Kelas A berharga \$90 ribu.

pemilihan itu dan 84 orang telah terpilih. Sementara bakinya akan dimasukkan ke dalam rancangan fasa kedua.

Beliau memberitahu, peringkat kedua pemilihan telah pun dibuat. Seramai 160 orang telah dipilih dari 245 pemohon.

"Keputusan temuduga-temuduga telah pun dimaklumkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Manakala temuduga peringkat ketiga bagi seramai 304 pemohon akan dibuat tidak lama lagi," jelas Awang Ibrahim.

Bentuk-bentuk rumah telah pun disediakan dan dibahagikan kepada lima jenis. Kelas A berharga \$90 ribu; Kelas B \$75 ribu; Kelas C \$60 ribu; Kelas D \$55 dan Kelas E berharga \$40 ribu yang meliputi harga tanah seluas suku ekar.

Timbalan Pengarah Kemajuan Perumahan itu menerangkan pemilihan pemohon-pemohon untuk rancangan perumahan itu akan dibuat dalam tujuh peringkat.

Manakala syarat-syarat yang dikenakan bagi pemilik-pemilik rumah dalam rancangan itu nanti di antaranya ialah tanah berkenaan tidak boleh dijual atau dipindah milik kecuali ada kebenaran khas dari pihak kerajaan.

"Bagaimanapun setakat syarat-syarat yang tepat belum dibuat," kata Awang Ibrahim.

Beliau memberitahu kemudahan-kemudahan sosial seperti taman serbaguna, taman permainan dan sekolah akan dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

"Perkara-perkara berkenaan akan dirujuk kepada jabatan-jabatan tertentu seperti Jabatan Pelajaran berhubung dengan pembinaan sekolah sekiranya perlu dan sesuai dengan bilangan penduduk di sesuatu kawasan perpindahan," terang beliau.

Timbalan Pengarah Kemajuan Perumahan juga menjelaskan rancangan-rancangan perpindahan daerah-daerah lain akan terus diusahakan secara berperingkat-peringkat.

Rancangan Perumahan yang diusahakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan meskipun mengambil masa yang lama tetapi sebagaimana yang telah difahamkan ianya adalah disebarkan oleh beberapa faktor yang telah dijelaskan dan diharapkan akan mencapai matlamat sebagaimana yang dihasratkan.



Model rumah perpindahan jenis Kelas C berharga \$60 ribu.



Kerja-kerja pembinaan rumah-rumah berkenaan sedang giat dilaksanakan sejak 25 Januari lepas.

Sambutan Hari Kebangsaan

Dari Muka 13

Perbarisan perpaduan ini akan didahului oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei kemudian diikuti oleh 20 orang perwakilan pasukan-pasukan yang mengambil bahagian akan membawa bendera besar kebangsaan Negara Brunei Darussalam kemudian diikuti oleh 24 orang penuntut membawa bendera yang melambangkan masjid, pisang dan bendera kebangsaan.

Lebih dua ribu orang akan menyertai acara kemuncak ini. Antaranya ialah jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan-pasukan beruniform, Majlis Belia-belia, Dewan Perniagaan Melayu, China, India dan Dewan Per-

niagaan Negara Brunei Darussalam, Pertubuhan Wanita, Pertubuhan Diraja Brunei, Persatuan-persatuan Bank, Pergerakan Pemuda, Persatuan Setiausaha-setiausaha dan Pasukan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Di perhimpunan itu nanti ikrar Hari Kebangsaan juga akan dibacakan. Sempena Hari Kebangsaan kali pertama ini upacara upacara yang berbentuk sambutan dan perayaan akan diadakan dan ditekankan kepada yang berben- tuk kenegaraan.

Falsafah kita sebagai negara Islam sekali lagi akan kita hayati dan junjung dengan berkumpul bersembahyang jemaah di masjid masjid seluruh negara.